IYRES
INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

KBS
KEMENTERIAN BELIA & SUKAN | MINISTRY OF YOUTH & SPORTS

# SOSIALISASI POLITIK

## *Aspirasi & Kenegaraan Dalam Kalangan Belia Malaysia*



# SOSIALISASI POLITIK

## *Aspirasi & Kenegaraan Dalam Kalangan Belia Malaysia*





© **Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2023**

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah data mengenai pembangunan belia.

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2022). Sosialisasi Politik - Aspirasi dan Kenegaraan Dalam Kalangan Belia Malaysia. Putrajaya: IYRES**

ISBN: 978-967-2783-19-0

INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)**
Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 – 8871 3705
Faks : +603 – 8871 3342
Emel : info@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

# ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL ........................................................................ v

SENARAI RAJAH ........................................................................ v

RINGKASAN EKSEKUTIF ........................................................................ vi

1.0 PENGENALAN........................................................................ 1

1.1 Latar Belakang Kajian ........................................................................ 1

1.2 Permasalahan Kajian ........................................................................ 3

1.3 Objektif Kajian ........................................................................ 4

1.4 Kepentingan Kajian ........................................................................ 5

1.5 Skop Kajian ........................................................................ 5

1.6 Limitasi Kajian ........................................................................ 6

2.0 SOROTAN LITERATUR ........................................................................ 7

3.0 METODOLOGI KAJIAN ........................................................................ 10

3.1 Reka Bentuk Kajian ........................................................................ 10

3.2 Pelaksanaan Kajian ........................................................................ 10

3.3 Instrumen Kajian ........................................................................ 11

3.5 Kajian Rintis ........................................................................ 12

3.6 Analisis Data ........................................................................ 13

**4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN ............................ 14**

4.1. Profil Informan ........................................................................................ 14

4.2. Proses Sosialisasi Politik Dalam Kalangan Belia Malaysia ........................................................................................ 15

4.3. Pemahaman Tentang Demokrasi dalam kalangan belia Malaysia ........................................................................................ 25

4.4. Pandangan Belia Berkaitan Proses Sosialisasi Politik di Malaysia ........................................................................................ 33

4.5. Harapan Belia Berkaitan Demokrasi di Malaysia .................... 41

4.6. Indikator Pengukuran Sosialisasi Politik dan Demokrasi Belia di Malaysia ........................................................ 49

**5.0 KESIMPULAN DAN SYOR ........................................................ 51**

**6.0 PENUTUP........................................................................................ 54**

**RUJUKAN ........................................................................................ 55**

**PENGHARGAAN ............................................................................ 57**

**LAMPIRAN ........................................................................................ 58**

# SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| **Jadual 1** | Kategori Informan Kajian | 11 |
| **Jadual 2** | Perincian Protokol Temubual Kajian | 12 |
| **Jadual 3** | Tema Dapatan Kajian Mengenai Proses Sosialisasi Politik Dalam Kalangan Belia | 15 |
| **Jadual 4** | Tema Dapatan Kajian Mengenai Pemahaman Belia Tentang Demokrasi | 25 |
| **Jadual 5** | Tema Dapatan Kajian Mengenai Pandangan Belia Berkaitan Proses Sosialisasi Politik | 33 |
| **Jadual 6** | Tema Dapatan Kajian Tentang Harapan Belia Berkaitan Demokrasi | 41 |
| **Jadual 7** | Cadangan Indikator Pengukurun Sosialisasi Politik | 49 |
| **Jadual 8** | Syor dan Cadangan Kajian | 52 |


# SENARAI RAJAH


| | | |
|---|---|---|
| **Rajah 1** | Latar Belakang Informan | 14 |
| **Rajah 2** | Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Proses Sosialisasi Politik dalam Kalangan Belia Malaysia | 24 |
| **Rajah 3** | Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Pemahaman Belia Tentang Demokrasi | 32 |
| **Rajah 4** | Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Pandangan Belia Berkaitan Proses Sosialisasi Politik | 40 |
| **Rajah 5** | Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Harapan Belia Berkaitan Demokrasi | 48 |

# RINGKASAN EKSEKUTIF



Belia merupakan rakan dan pewaris pembangunan sesebuah negara. Maka, perhatian perlu diberikan secara komprehensif bagi memahami aspirasi belia terhadap sistem demokrasi dan proses semak dan imbang dalam pemerintahan negara agar berada pada landasan yang betul demi masa depan Malaysia yang lebih sejahtera.

Dalam konteks politik, Malaysia antara sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pemerintahan Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Manakala Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjadi sumber rujukan tertinggi negara yang telah digubal dengan mengambilkira pelbagai aspek yang mencakupi sejarah negara yang panjang; legasi dan dimensi sosial, politik, struktur budaya masyarakat menjadi tunggak kepada asas kenegaraan negara yang mutakhir ini kurang diberi perhatian serius oleh golongan belia.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab rakyat dalam negara khususnya golongan belia untuk memahami struktur pemerintahan negara di samping memartabatkan perlembagaan persekutuan sebagai undang-undang tertinggi dalam negara dan memperkukuhkan lagi penghayatan mereka kepada asas kenegaraan sekaligus menjadikan mereka lebih cakna dan terampil untuk terlibat dalam proses demokrasi, politik dan pembangunan negara. Apabila belia memahami secara tuntas terhadap sistem politik negara, maka tidak akan timbul persoalan, misalnya 'politik kotor, politik wang, politik rasuah dan politik perkauman'. Namun, belia perlu bertindak secara rasional di samping menjadi ejen yang mampu memberikan desakan perubahan berlandaskan kepada prinsip politik sebenar dalam arena demokrasi negara.

Kajian Sosialisasi Politik - Aspirasi dan Kenegaraan dalam Kalangan Belia Malaysia ini melibatkan informan yang terdiri daripada belia berumur 15 hingga



30 tahun dan golongan dewasa dalam kumpulan pelaksana pembangunan belia seperti yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 – 2035. Jumlah keseluruhan informan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 69 orang yang mana daripada jumlah tersebut adalah mewakili 41 orang kategori belia dan 28 daripada kategori pelaksana. Melihat kepada pecahan berdasarkan jantina, penglibatan informan adalah hampir seimbang dengan jumlah 35 orang informan lelaki dan 34 orang informan perempuan.

Dapatan kajian menunjukkan proses sosialisasi politik dalam kalangan belia boleh berlaku secara langsung dan tidak langsung. Tafsiran belia secara umumnya terhadap perkataan politik adalah sangat jelas. Mereka melihat politik sebagai satu bentuk kepemimpinan yang menjalankan tadbir urus kerajaan. Ahli politik sinonimnya diwakili oleh seorang individu yang menjawat jawatan yang diberikan oleh masyarakat untuk mewakili suara rakyatnya. Corak pentadbiran kerajaan adalah menjadi imej negara sama ada ia adalah sebuah kerajaan yang stabil mahupun kerajaan yang bergolak. Ejen sosialisasi politik belia pula terdiri daripada ibu bapa dan keluarga, guru, rakan-rakan sekeliling, pengaruh pemimpin sedia ada dan media sosial. Melalui kajian ini juga didapati beberapa faktor menyebabkan belia tidak mahu terlibat dengan politik kerana lensa belia terhadap politik adalah berdasarkan apa yang mereka lihat pada waktu semasa.

Dari perspektif belia, ruang dan peluang mereka masih terhad dalam amalan demokrasi di Malaysia. Mereka menyarankan agar belia perlu dilibatkan dalam merangka polisi atau dasar awam berkaitan belia. Ini kerana belia merasakan bahawa mereka juga bertanggungjawab dalam pembinaan negara bangsa. Oleh itu, suara mereka perlu didengari dalam menyuburkan amalan demokrasi di Malaysia. Belia melihat proses demokrasi di Malaysia perlu ada tindakan penambahbaikan segera. Peranan pelbagai pemegang taruh belia juga perlu digerakkan bagi memastikan agenda advokasi dan peningkatan literasi politik berlaku secara berencana dalam kalangan belia di Malaysia. Semua pihak perlu bertanggungjawab memastikan belia Malaysia mempunyai asas dan pengetahuan yang cukup mengenai kenegaraan dan demokrasi agar mereka dapat bersama memajukan negara dengan lebih progresif. Faktor yang mendorong dan menghalang belia dari terlibat dalam proses sosialisasi politik dan demokrasi perlu diteliti bagi memastikan peningkatan penglibatan belia dalam politik khususnya serta kepemimpinan secara amnya akan meningkat secara positif dan berlaku dalam ruang lingkup yang lebih inklusif.



# 1.0 PENGENALAN

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Belia merupakan aset penting dalam memantapkan struktur pembangunan dan pentadbiran bagi sesebuah negara. Dalam ucapan khas bersempena Hari Belia Negara 2022, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa jumlah belia berumur 15 hingga 30 tahun yang menghampiri 21.4 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi di Malaysia mempengaruhi setiap perancangan pembangunan negara. Maka, bagi merangka hala tuju Malaysia pada masa hadapan adalah penting bagi kerajaan untuk mengambil kira aspirasi dan pandangan belia (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2022). Justeru, perhatian perlu diberikan secara komprehensif bagi memastikan aspirasi belia kekal relevan, di samping menjadi sebahagian ejen yang pragmatik terhadap sistem semak dan imbang agar pemerintahan negara berada pada tahap ideal.

Dari segi demografi, belia merupakan antara populasi terbesar di dunia pada masa ini. Berdasarkan data yang diterbitkan oleh "*World Youth Report: Youth Social Entrepreneurship and the 2030 Agenda*" pada tahun 2020, jumlah populasi belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun mencatatkan seramai 1.21 bilion orang atau 15.5 peratus daripada keseluruhan penduduk di seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, jumlah tersebut dijangkakan akan mengalami peningkatan pada kadar 1.29 bilion (15.1 peratus) orang menjelang tahun 2030 (*United Nation*, 2020).

Di Malaysia, belia merupakan antara penyumbang besar kepada kadar pertumbuhan penduduk dalam negara. Unjuran bagi tahun 2022, belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun adalah seramai 8,852.3 juta orang atau 25.5 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, n.d.). Justeru, agenda pembangunan belia ini tidak boleh dipandang enteng oleh pelbagai pihak, namun perlu dijadikan sebagai peluang dalam membentuk karakter dan kerangka minda belia yang berwibawa bagi menghadapi cabaran dari segi sosial, politik serta ekonomi. Berdasarkan dapatan kajian Indeks Belia Malaysia 2022, tahap penyertaan belia dalam aktiviti politik, kenegaraan dan demokrasi adalah sangat rendah dengan skor 34.66 pada tahap sangat tidak memuaskan. Selain itu, data menunjukkan golongan belia kurang mengikuti perkembangan politik dan mereka juga

jarang berbincang mengenai isu politik (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2023). Justeru, wujud keperluan untuk memahami fenomena ini dalam konteks proses sosialisasi politik yang turut membawa kepada partisipasi politik. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada proses sosialisasi politik, aspirasi dan kenegaraan dalam kalangan belia.

Menurut Verba dan Almond (1989), warganegara dalam negara yang demokratik seharusnya aktif dan terlibat dalam aktiviti politik. Mereka seharusnya berpengetahuan dan mampu membuat tindakan yang rasional dalam aktiviti politik. Dalam konteks belia di Malaysia, tingkah laku dan tahap penglibatan belia dalam politik sangat berkait rapat dengan pemahaman belia mengenai ilmu kenegaraan. Asas kenegaraan adalah meliputi pengetahuan mengenai sistem politik dan struktur pemerintahan negara yang berteraskan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pemerintahan Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berdasarkan pembahagian kuasa (*separation of powers*) kepada tiga badan iaitu eksekutif (pemerintah), legislatif (perundangan) dan judisiari (kehakiman). Dalam konteks ini asas kenegaraan perlu didukung dengan pemahaman peruntukan utama perlembagaan kerana perlembagaan bukan sekadar undang-undang tertinggi tetapi juga merupakan tunggak kepada perpaduan negara dan masyarakat pelbagai etnik. Perlembagaan juga merupakan sumber rujukan utama kepada perlaksanaan sistem politik dan amalan tadbir urus negara. Selain itu, belia perlu diperkasakan dengan falsafah yang terkandung dalam prinsip Rukun Negara dalam memperkukuhkan jati diri sebagai warganegara Malaysia.

Justeru, sebagai pewaris negara adalah amat penting untuk golongan belia memahami ilmu asas kenegaraan yang meliputi sistem politik, struktur pemerintahan negara, memartabatkan perlembagaan persekutuan di samping menghayati prinsip Rukun Negara yang menjadi sokongan kepada proses sosialisasi belia dalam politik. Apabila mereka mempunyai pemahaman yang baik tentang asas kenegaraan, mereka akan lebih mudah memahami kepentingan penglibatan mereka dalam pelbagai platform dan medium politik. Tidak dinafikan tingkah laku terhadap politik seseorang dipengaruhi oleh pemerhatian dan pengalaman politik mereka, namun pendedahan kepada makna politik yang luas perlu disokong dengan penghayatan terhadap ilmu kenegaraan. Persoalan dan persepsi negatif belia kepada politik seperti ‘politik kotor, politik wang, politik rasuah dan politik perkauman’ boleh diperbaiki jika belia menghayati peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara dalam konteks hidup bernegara yang lebih holistik. Belia pasti mampu bertindak lebih rasional di samping menjadi ejen yang mampu memberikan desakan



perubahan berlandaskan kepada prinsip-prinsip politik sebenar dalam arena politik negara.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Apati politik atau *political apathy* dalam kalangan belia adalah fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Demokrasi yang sihat dan berfungsi memerlukan penglibatan aktif rakyat Malaysia, apatah lagi golongan belia yang berumur 15 hingga 30 tahun mewakili 29.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Walau bagaimanapun, banyak kajian dan laporan mendapati bahawa golongan belia semakin menjauhi aktiviti politik.

Laporan yang dikeluarkan oleh Sekretariat Komanwel dalam *Global Youth Development Index and Report* pada tahun 2021 turut melaporkan bahawa semua negara dunia mencatatkan tahap rendah dengan skor di bawah 0.50 untuk domain Politik dan Penyertaan Sivik. Kurang pengetahuan berkenaan proses menyertai parti politik, tidak berminat dalam politik, mempunyai matlamat yang berbeza dengan ideologi parti serta tiada kepercayaan kepada ahli politik merupakan antara faktor global ketidakterlibatan belia dalam politik.

Berdasarkan dapatan kajian Indeks Belia Malaysia tahun 2021 dan 2022, skor domain bagi Sosialisasi Politik, Kenegaraan dan Demokrasi menurun dengan dapatan 60.31 (tahap Sederhana) pada tahun 2021 ke skor 58.64 (tahap Kurang Memuaskan) bagi tahun 2022. Kesemua indikator mencatatkan penurunan bagi tahun 2022 kecuali indikator Mengikuti Perkembangan Aktiviti Politik, Kenegaraan dan Demokrasi dengan kenaikan skor sebanyak 0.01 mata sahaja. Persoalannya, sejauh mana tahap sosialisasi politik dan kenegaraan belia Malaysia?



## 1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemahaman politik dalam kalangan belia di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Meneroka proses sosialisasi politik dalam kalangan belia di Malaysia;
2. Meneroka pemahaman tentang demokrasi dalam kalangan belia di Malaysia;
3. Meneroka aspirasi belia berkaitan sosialisasi politik di Malaysia;
4. Meneroka aspirasi belia berkaitan demokrasi di Malaysia; dan
5. Membangunkan indikator pengukuran sosialisasi politik dan demokrasi belia di Malaysia.

## 1.4 Kepentingan Kajian

Sekiranya kajian ini tidak dilaksanakan, terdapat beberapa implikasi yang bakal dihadapi iaitu:

1. Pihak penggubal dasar/ polisi tidak dapat merangka modul berkaitan pendidikan politik dan kenegaraan yang komprehensif;
2. Cadangan penambahbaikan atau penggubalan polisi berkaitan politik tidak mendapat input yang relevan berkaitan belia;
3. Tahap sosialisasi politik dan kenegaraan belia di Malaysia tidak dapat diukur; dan
4. Indikator pengukuran sosialisasi politik dan kenegaraan tidak dapat dibentuk.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan belia warganegara Malaysia yang berumur 15 hingga 30 tahun merangkumi tiga kategori umur belia iaitu belia awal (15-18 tahun), belia pertengahan (19-24 tahun) dan belia akhir (25-30 tahun). Kumpulan belia yang dinyatakan mewakili lapan kumpulan sasaran belia seperti yang dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 yang merangkumi belia pengajian tinggi; belia bekerjaya; belia bersekolah; perkumpulan belia; belia Malaysia antarabangsa; belia massa; belia minoriti dan golongan terpinggir; serta belia berisiko. Selain itu, kumpulan pelaksana yang terdiri daripada 10 kategori iaitu masyarakat; media; NGO/ badan bukan kerajaan; institusi pendidikan dan

penyelidikan; kementerian dan agensi persekutuan; kerajaan negeri; pemimpin politik; insitusi keluarga; syarikat berkaitan kerajaan dan swasta; serta NGO dan individu belia.

Sesi sindikasi dan perbincangan telah dilaksanakan terlebih dahulu bagi mendapatkan input awal kajian dalam penyediaan protokol kajian secara kualitatif sekaligus membantu dalam pelaksanaan sesi temubual berkumpulan yang mengumpulkan maklumat dan pandangan berkaitan sosialisasi politik dan kenegaraan belia di Malaysia.

## 1.6 Limitasi Kajian

Pelaksanaan temubual secara perbincangan kumpulan berfokus atau *focus group discussion* (*FGD*) yang terbaik lazimnya dipengaruhi oleh banyak faktor seperti lokasi, fasilitator, masa dan lain-lain. Bagi kajian ini, perkongsian maklumat oleh informan dilaksanakan secara dalam talian kerana kebimbangan penularan wabak Covid-19 masih meningkat sewaktu tempoh tersebut. Justeru itu, terdapat kekangan dalam dalam aspek teknikal seperti capaian internet yang lemah, alatan audio atau video tidak berfungsi dengan baik dan limitasi penggunaan *link Zoom Meeting* pada masa yang sama dihadapi sewaktu pengumpulan data kajian. Di samping itu, penarikan diri informan pada saat akhir juga di luar kawalan penyelia yang dilantik kerana informan tidak dapat dihubungi pada waktu sesi yang telah dijadualkan walaupun telah memberi persetujuan untuk penglibatan bersama pada awalnya.

Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memfokuskan kepada pandangan khusus golongan belia dan pelaksana yang ditemubual. Justeru kajian ini bersifat induktif, mendalam dan tidak boleh digeneralisasikan secara pukal sebagai mewakili konteks pandangan keseluruhan belia di Malaysia. Namun ini tidak bermakna data kajian tidak memberi kepentingan kepada pemahaman kepada perkembangan sosialisasi politik belia, malah boleh memberikan satu gambaran mendalam dan terperinci kepada sesuatu isu yang diketengahkan dari sudut proses sosial dalam konteks sebenar yang berlaku di Malaysia menurut sudut pandang dan pengalaman secara langsung dan tidak langsung informan.

# 2.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai sosialisasi politik dikatakan telah pun bermula selewat-lewatnya pada sekitar tahun 1950-an iaitu apabila pengkaji politik mula memberi tumpuan kepada keperluan kajian peringkat awal sosialisasi politik (Neundorf and Smets 2015). Ini kerana proses sosialisasi politik seseorang dilihat bermula sejak peringkat awal kanak-kanak. Ini seiring dengan takrifan yang dikemukakan oleh Verba dan Almond (1989) mengenai sosialisasi politik iaitu sesuatu tindakan berkoitan politik bagi seseorang itu merupakan hasil pengalaman dan pembelajaran awal mengenai sesuatu sama ada berkaitan dengan politik atau tidak.

Herbert Hyman (1959) merupakan antara perintis awal kepada kajian sosialisasi politik sebelum evolusi kajian ini terus berkembang. Menurut Hyman, definisi sosialisasi politik merujuk kepada proses pembelajaran awal seseorang mengenai corak sosial yang bersesuaian dalam struktur sosial mereka. Tambahan pula, seseorang itu dilihat berfungsi sebagai pengantara kepada pelbagai ejen yang wujud dalam masyarakat. Pandangan ini dilihat merujuk kepada proses pembelajaran awal yang berlaku, dan boleh dikategorikan secara langsung mahupun tidak langsung. Secara umumnya proses ini berlaku dalam diri kebanyakan individu yang terdedah dalam proses sosialisasi politik menerusi interaksi mereka dengan ejen sosialisasi yang terlibat seperti ibu bapa, rakan sebaya, keluarga, jiran dan sebagainya.

Menurut Greenstein (1965), sosialisasi politik merupakan proses memupuk berkaitan maklumat, nilai dan praktis berkaitan politik melalui ejen-ejen yang dipertanggungjawabkan secara formal. Sehubungan dengan itu, institusi yang diberikan autoriti dipertanggungjawabkan untuk memastikan proses sosialisasi politik itu berjalan berdasarkan legitimasi politik secara berkesan, misalnya, sekolah merupakan institusi yang absah untuk menyalurkan maklumat, nilai dan praktis seperti mana pandangan yang dinyatakan oleh Greenstein. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab institusi sekolah memberikan pendidikan politik berdasarkan kepada prinsip politik yang benar.

Terma sosialisasi juga boleh dilihat sebagai satu proses interaksi sosial dimana perkongsian pengetahuan, tingkah laku dan nilai adalah diperlukan bagi penglibatan aktif masyarakat. Prabowo et al (2020) mengatakan sosialisasi terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa pertama adalah proses pembelajaran. Fasa

seterusnya adalah memahami bagaimana orientasi politik digeneralisasikan setelah pengetahuan mencukupi dan bersedia untuk berinteraksi dengan faktor luaran. Kematangan berada pada fasa ketiga yang mana individu terbabit tidak dipengaruhi oleh fahaman politik ataupun etnik. Sihabudin Zuhri (2010) menyokong perspektif tersebut  dengan menjelaskan bahawa manusia memperoleh pengalaman secara langsung bermula dari kecil yang akan menyumbang kepada faktor yang mempengaruhi sikap dan membentuk persepsi politik seseorang individu.

Indeks Belia Malaysia (IBM) pula memberikan definisi domain Sosialisasi Politik, Kenegaraan dan Demokrasi sebagai keterlibatan dalam aktiviti politik meliputi kewujudan polisi berkaitan belia kewujudan pendidikan pengundi suara belia secara formal, perbincangan penyertaan dan mengikuti perkembangan berkaitan isu politik kenegaraan dan demokrasi. Dapatan IBM bermula tahun 2015 sehingga 2020 menunjukkan terdapat trend penurunan bagi skor domain tersebut. Penurunan ketara skor dapat dilihat dari tahun 2019 iaitu 29.03 (Sangat Tidak Memuaskan) kepada skor 27.75 (Sangat Tidak Memuaskan) pada tahun 2020. Bagi tahun 2021 dan 2022, indikator Penyertaan dalam Aktiviti Politik, Kenegaraan dan Demokrasi terus mencatatkan skor penurunan walaupun indikator bagi Mengikuti perkembangan Aktiviti Politik, Kenegaraan dan Demokrasi mencatatkan peningkatan skor minor sebanyak 0.01 mata pada tahap Sangat Tidak Memuaskan. Dapatan kajian menunjukkan belia Malaysia jarang terlibat, berbincang dan mengikuti perkembangan politik semasa di Malaysia walaupun majoriti daripada mereka telah berdaftar sebagai pemilih.

Kajian-kajian lepas telah banyak menyenaraikan ejen sosialisasi politik yang penting seperti; kumpulan utama (keluarga dan jiran tetangga), sistem pendidikan, rakan-rakan, media komunikasi, sistem pekerjaan serta sistem politik. Dekker (1991) menyatakan bahawa adalah rumit bagi menentukan ejen sosialisasi politik yang mana paling mempengaruhi belia. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa fungsi ejen sosialiasi politik yang ada tidak dapat diasingkan kerana ia saling berkait antara satu sama lain. Jenis pengaruh yang disumbangkan juga sukar diukur menggunakan kaedah dan teknik penyelidikan sains sosial yang sedia ada.

Selain itu, terdapat banyak penyelidikan yang mengkaji tentang faktor-faktor belia berminat dengan politik. Salah satu kajian yang dijalankan oleh Razali et al (2016) menunjukkan bahawa minat terhdap politik merupakan pendorong yang utama belia cenderung kepada politik. Faktor keluarga dan sistem pendidikan pula merupakan pemboleh ubah yang saling berkait selain daripada faktor rakan dan pengaruh luar negara.

Sorotan literatur mengenai sosialisasi politik telah mengalami anjakan paradigma sejak beberapa dekad yang lalu. Kadangkala soroton literatur yang dihasilkan mendapat kritikan kerana tidak memberi tumpuan kepada kerangka sosialisasi politik sebenar dan juga pelbagai isu yang diketengahkan dalam pelbagai teori dan konsep. Definisi sosialisasi politik juga bergantung kepada limitasi kajian yang dilaksanakan.



# 3.0 METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kualitatif telah digunakan bagi membantu penyelidik memahami isu- isu yang dikaji dengan lebih baik untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Pendekatan pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya iaitu melalui *focus group discussion* (FGD). Walaupun sesi FGD ini dilakukan secara atas talian, pengkaji dapat melihat ekspresi dan tingkah laku informan semasa sesi perbincangan dilaksanakan. Sepertimana kaedah yang dilaksanakan oleh Nor Khairi, Norasid dan Ahmad Rosli (2019), teknik FGD dikatakan dapat dijadikan kaedah tunggal dalam kajian penerokaan sesuatu situasi dan mendalami sesuatu isu.

## 3.2 Pelaksanaan Kajian

Kajian ini mensasarkan penglibatan dua kumpulan informan iaitu belia dan pelaksana. Berdasarkan Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035, belia adalah individu yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun. Pemilihan responden belia bagi kajian ini adalah bersifat holistik dengan padanan latar belakang mereka cuba memenuhi klasifikasi antara lapan kumpulan sasaran belia iaitu belia bersekolah; belia pengajian tinggi; belia bekerjaya; perkumpulan belia; belia massa; belia Malaysia antarabangsa; belia minoriti dan golongan terpinggir serta belia berisiko. Kategori pelaksana pula disandarkan kepada 10 kumpulan pelaksana dalam DBM 2015-2035 iaitu keluarga; masyarakat; NGO; KBS dan agensi persekutuan; kerajaan negeri; institusi pendidikan dan penyelidikan; media; syarikat berkaitan kerajaan dan swasta ; kepimpinan politik; serta NGO belia dan individu belia.

Keseluruhannya seramai 69 orang informan belia dan pelaksana terlibat dalam memberikan pandangan serta input mereka bagi kajian ini. Pecahan informan adalah seperti Jadual 1 berikut:



**Jadual 1**: Kategori Informan Kajian

| BIL. | ZON | KATEGORI | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Utara | Belia: 5 orang<br>Pelaksana: 6 orang | 11 orang |
| 2. | Selatan | Belia: 6 orang<br>Pelaksana: 7 orang | 13 orang |
| 3. | Timur | Belia: 7 orang<br>Pelaksana: 5 orang | 12 orang |
| 4. | Tengah | Belia: 5 orang<br>Pelaksana: 5 orang | 10 orang |
| 5. | Sabah | Belia: 14 orang<br>Pelaksana: 3 orang | 17 orang |
| 6. | Sarawak | Belia: 4 orang<br>Pelaksana: 2 orang | 6 orang |

Sesi FGD yang dijalankan adalah secara dalam talian menggunakan medium *Zoom Meeting*. Penyelia yang dilantik bagi setiap zon telah mengedarkan jadual sesi FGD yang mengandungi maklumat tarikh dan masa FGD akan diadakan kepada informan di bawah seliaan masing-masing. Informan juga telah diingatkan agar bersedia 15 minit lebih awal sebelum waktu sesi dijalankan bagi memastikan tiada masalah timbul seperti kekangan talian internet dan aspek teknikal dapat berfungsi secara optimum. Setiap sesi dilaksanakan dalam tempoh sejam dan dikendalikan oleh seorang moderator dalam kalangan penyelidik bersama.

## 3.3 Instrumen Kajian

Bagi membantu kelancaran sesi FGD, satu protokol temubual telah dibangunkan agar maklumat-maklumat yang diperlukan dapat menjawab kepada objektif kajian yang telah dibangunkan. Protokol temubual yang digunakan adalah bagi memandu sesi perkongsian maklumat oleh informan agar tidak tersasar dari topik yang dibincangkan dan objektif yang disasarkan.

Soalan-soalan yang diutarakan adalah berkisar kepada pengalaman dan pendapat informan berkaitan isu politik, kenegaraan dan demokrasi di Malaysia. Penggunaan protokol bagi kumpulan belia dan pelaksana adalah sama namun sesi FGD telah dikendalikan secara berasingan. Secara keseluruhannya, protokol yang dibangunkan dibahagikan kepada enam bahagian seperti berikut:

**Jadual 2**: Perincian Protokol Temubual Kajian

| BAHAGIAN | PERKARA |
|---|---|
| A | Pengenalan dan latar belakang kajian |
| B | Meneroka proses sosialisasi politik dalam kalangan belia di Malaysia |
| C | Meneroka pemahaman tentang demokrasi dalam kalangan belia di Malaysia |
| D | Meneroka pandangan belia berkaitan proses sosialisasi politik di Malaysia |
| E | Meneroka harapan belia berkaitan demokrasi di Malaysia |
| F | Cadangan dan penutup |

## 3.5 Kajian Rintis

Sebelum pengumpulan data sebenar dilaksanakan, satu kajian rintis telah dijalankan bagi menguji protokol temubual bagi memastikan informan jelas tentang setiap konstruk ayat yang digunakan. Tiga lokasi telah dikenalpasti untuk pelaksanaan kajian rintis ini iaitu melibatkan informan di daerah Mersing, Kota Tinggi, dan Muar. Pemilihan tiga daerah di Johor ini adalah mengambil kira pelaksanaan Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang diadakan pada 12 Mac 2022. Kajian rintis yang diadakan pada tempoh seminggu sebelum PRN Johor dilaksanakan adalah bersesuaian dengan kehangatan suasana pilihan raya bagi membantu belia berkongsi pandangan mereka berkaitan isu politik, kenegaraan dan demokrasi di Malaysia.

## 3.6 Analisis data

Semua sesi FGD telah dirakamkan dengan kebenaran daripada informan yang terlibat. Data audio daripada kajian rintis dan visual daripada FGD secara atas talian yang diperolehi daripada semua sesi FGD ditranskripsikan dalam bentuk teks dan dianalisa menggunakan perisian Nvivo. Koding data menerusi perisian ini dilaksanakan dengan berpandukan persoalan kajian dan kod yang dihasilkan disusun secara tematik. Tema yang terhasil membentuk dapatan kajian seperti yang dipaparkan menerusi jadual dapatan kajian di Bab 4.



# 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian telah berjaya menjawab kesemua persoalan dan objektif kajian yang disasarkan.

## 4.1. Profil Informan

Jumlah keseluruhan informan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 69 orang yang mana daripada jumlah tersebut terdiri daripada 41 orang kategori belia dan 28 daripada kategori pelaksana. Melihat kepada pecahan berdasarkan jantina, penglibatan informan adalah hampir seimbang dengan jumlah 35 orang informan lelaki dan 34 orang informan perempuan.

Rajah 1 menunjukkan latar belakang pekerjaan informan yang pelbagai. Informan belia yang terlibat dalam kajian ini majoritinya adalah pelajar dan pekerja swasta dalam bidang perkhidmatan seperti jurujual, kerani, pembantu kedai makan dan lain-lain. Informan dalam kategori pelaksana pula majoritinya terdiri daripada pekerja kerajaan yang bertugas sebagai guru, juruteknik makmal, pembantu penyelidik dan kakitangan di bawah kerajaan negeri. Ini diikuti dengan bekerja di sektor swasta (7 orang), bekerja sendiri (6 orang), suri rumah (3 orang), NGO (2 orang), dan seorang pesara.




**Rajah 1**: Latar Belakang Informan

## 4.2. Proses Sosialisasi Politik Dalam Kalangan Belia Malaysia

Untuk memahami proses sosialisasi politik dalam kalangan belia secara keseluruhan, kajian dimulakan dengan mengenalpasti makna dan tafsiran politik informan. Ini bertujuan untuk mengetahui konteks dan kerangka kefahaman informan mengenai politik mereka samada mereka mempunyai ruang pemahaman yang luas atau terbatas mengenai politik. Proses pemahaman makna dan tafsiran politik ini membawa kepada pengenalpastian faktor yang mempengaruhi sosialisasi politik informan; siapakah atau apakah yang mempengaruhi keterlibatan mereka dalam politik? Daripada proses ini kajian juga berjaya mengenalpasti beberapa isu atau permasalahan yang dihadapi oleh informan dalam konteks penglibatan mereka dalam aktiviti berpolitik.

**Jadual 3**: Tema Dapatan Kajian Mengenai Proses Sosialisasi Politik Dalam Kalangan Belia

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| 1. | **Definisi politik dari sudut pandang belia** | **Belia mempunyai tafsiran politik mereka sendiri**<br><br>Informan dilihat mentafsirkan politik dari beberapa sudut pandang mereka sendiri. Secara umumnya, belia masa kini sering dikaitkan dengan pemahaman yang terbatas mengenai politik. Pemahaman ini memang terdapat dalam kalangan informan. Namun, ada antara mereka memahami politik adalah sesuatu yang luas dan wujud dalam pelbagai keadaan dan situasi yang melibatkan kuasa.<br><br>Selain itu, ada informan juga memahami politik dalam konteks yang khusus seperti kuasa yang diwakilkan kepada pihak tertentu dan juga berbentuk kepartian. Ini menunjukkan ada di antara informan yang mempunyai pengetahuan jelas berkaitan politik dan tidak terbatas dengan politik kepartian. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Pandangan mengenai kecenderungan budaya politik**<br><br>Informan secara umumnya melihat perkembangan budaya politik di peringkat nasional khasnya merujuk kepada perubahan yang berlaku di peringkat kepimpinan negara (perubahan Perdana Menteri) adalah kurang sihat.<br><br>Informan berpendapat politik di Malaysia hari ini sebagai satu kerjaya kepada ahli parlimen. Terdapat parti politik yang terlalu menjaga kepentingan kaum atau agama yang akhirnya menyebabkan diskriminasi dan ketidakadilan. Keputusan pentadbiran kerajaan juga ada masanya berorentasikan populis.<br><br>Informan juga memandang politik sebagai satu rekod perkhidmatan wakil rakyat yang baik kepada pengundi mereka. Budaya kerjasama erat kerajaan dan pembangkang dalam urus tadbir negara yang berintegriti menjadikan satu keadaan politik matang yang membolehkan proses semak dan imbang berlaku dengan baik. |
| | | **Pandangan mengenai parti politik**<br><br>Informan melihat kelahiran parti politik seperti MUDA dan senarai calon semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) di Johor menyaksikan perkembangan politik yang positif yang bakal mencungkil anak-anak muda berpotensi dan berbakat bagi mengemudi kerajaan pada masa akan datang.<br><br>Walau bagaimanapun, mereka turut mengakui suara golongan muda 'sukar' diterima oleh kepimpinan parti yang masih didominasi oleh pemimpin yang lebih berusia |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Politik adalah berkaitan kepimpinan**<br><br>Informan umumnya menolak pendekatan parti yang masih mengekalkan pemimpin lama dan berusia. Namun, mereka mengakui landskap politik mutakhir ini melihat orang muda semakin diberi ruang untuk menonjol dalam kepimpinan parti politik.<br><br>Rata-rata informan menyatakan bahawa kepimpinan politik atau mana-mana organisasi perlu lebih memberi perhatian kepada pandangan belia. Selain itu mereka juga menegaskan bahawa kepimpinan belia perlu diketengahkan.<br><br>Namun, informan juga berpendapat bahawa senario ramai pemimpin belia yang sudah terlibat dalam politik sebagai calon pilihan raya bakal memberi peluang kepada anak muda untuk tampil ke hadapan untuk memimpin. |
| | | **Politik adalah berkaitan tadbir urus**<br><br>Ada di antara informan yang melihat politik itu sebagai pengurusan. Dalam konteks negara, ia merupakan sebahagian daripada usaha untuk menguruskan negara dengan baik. Politik yang bersih dan berintegriti amat baik untuk tadbir urus negara. Pemimpin politik yang bertanggungjawab dalam memastikan keyakinan pelabur luar terhadap Malaysia jika keadaan politik stabil. |
| | | **Politik adalah imej negara**<br><br>Informan berpendapat politik dapat membina imej negara bersih di mata dunia. Pemimpin yang bersih layak untuk menerajui negara dengan menguruskan wang rakyat dengan baik dan menyalurkan semula bantuan kepada rakyat. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Politik adalah satu proses gerak kerja harian**<br><br>Ada informan yang berpendapat politik itu adalah sebahagian daripada aktiviti yang berlaku dalam banyak keadaan dalam kehidupan seharian. Politik tidak terbatas dalam parti politik tapi dalam setiap organisasi yang melibatkan pembuatan keputusan |
| **2.** | **Ejen sosialisasi politik belia** | **Ibu bapa dan keluarga berbual mengenai isu semasa politik dan negara**<br><br>Menerusi sesi tembual, didapati ibu bapa menjadi salah satu sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat tentang politik bagi informan. Keterbukaan ibu bapa berbicara soal politik di rumah didapati menjadi satu ruang penting dalam mempengaruhi proses sosialisasi politik dalam kalangan informan. |
| | | **Guru mendidik minat semasa pembelajaran**<br><br>Guru juga menjadi salah satu ejen yang penting dalam mempengaruhi minat informan dalam politik. Guru menjadi ikon kepada keterbukaan minda pelajar dengan menggalakkan perbincangan tentang demokrasi dan kenegaraan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. |
| | | **Rakan sekeliling berbual dan berbincang mengenai isu semasa politik dan kenegaraan**<br><br>Ejen sosialisasi politik terdekat selain keluarga adalah rakan-rakan sekeliling. Sekiranya dikelilingi rakan-rakan yang gemar berbincang dan berbual mengenai isu politik dan kenegaraan, minat terhadap isu politik dan hal ehwal semasa akan timbul dalam kalangan belia. |



| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Pengaruh pemimpin sedia ada menarik minat belia**<br><br>Rata-rata informan menyuarakan bahawa mereka mahukan pemimpin politik yang bersih, bebas rasuah dan berintegriti. Pengaruh yang dibawa oleh seorang pemimpin boleh menarik minat belia dalam mengikuti perkembangan semasa politik. |
| | | **Media sosial memaparkan banyak maklumat berkaitan isu politik dan kenegaraan**<br><br>Wujud persamaan pandangan dalam kalangan informan bahawa media sosial menjadi medium pilihan utama untuk mereka mengikuti maklumat dan isu politik. Ia adalah medium yang berpengaruh dalam mempengaruhi minda anak muda. |
| | | **Pengaruh aktiviti berpolitik**<br><br>Politik boleh memberikan persepsi negatif kepada anak muda dengan mengatakan politik adalah kotor dan korupsi. Aktiviti berkempen atau perbincangan isu-isu yang sensasi boleh menarik minat belia terhadap politik atau sebaliknya. |
| 3. | **Keperluan belia masa kini** | **Isu kebolehpekerjaan belia**<br><br>Kebanyakan informan didapati cenderung membincangkan tentang isu peluang dan jaminan pekerjaan kepada para belia. Bagi mereka pemimpin politik perlu lebih memberi perhatian berkaitan isu kebolehpekerjaan belia dan bantuan bagi menyambung pengajian. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Kemudahan untuk aktiviti belia**<br><br>Informan didapati kekurangan platform untuk berinteraksi terus dengan pemimpin dan aktiviti yang boleh menghubungkan antara belia dengan pemimpin. |
| | | **Platform belia berkongsi pandangan**<br><br>Medium interaksi yang sering digunakan oleh informan bagi meluahkan pandangan adalah media sosial, selain daripada perbualan dengan rakan-rakan sekeliling. Terdapat juga informan yang gemar menyemak silang maklumat berkaitan politik dengan sumber-sumber lain yang ada. |
| | | **Ruang dan perkongsian berkaitan politik**<br><br>Didapati informan suka diberi kebebasan untuk berkempen berkaitan politik selain diberi peluang untuk terlibat dalam politik. |
| **4.** | **Faktor belia tidak terlibat dengan politik** | **Belia tidak dipedulikan**<br><br>Informan merasakan pandangan yang disuarakan oleh kelompok mereka tidak diendahkan oleh kepimpinan sedia ada dalam parti politik. Menurut mereka, sikap pemimpin yang tidak meraikan pendapat golongan muda juga mengakibatkan mereka hilang minat dalam isu politik dan kenegaraan. |
| | | **Karenah ahli politik yang mementingkan diri dan tidak bertanggungjawab**<br><br>Informan menyatakan bahawa landskap politik masa kini memaparkan sikap ahli parlimen yang tidak melaksanakan tugas mereka sebaliknya hanya mementingkan jawatan dan kuasa |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Politik mencemarkan imej negara**<br><br>Informan melihat beberapa isu politik yang berlaku membawa imej buruk kepada negara. Berita sensasi mengenai salah laku pemimpin atau pentadbiran negara yang runcing mudah mendapat perhatian media di luar negara. |
| | | **Sebab tidak berpersatuan dan menyertai aktiviti berkaitan politik**<br><br>Menurut informan, belia yang tidak terllibat dan menyertai sebarang aktiviti berpersatuan cenderung untuk tidak berminat dengan isu-isu politik dan kenegaraan. Alasan yang kerap dikemukakan adalah kerana kekangan komitmen dan masa. |

Dapatan kajian menunjukkan proses sosialisasi politik dalam kalangan belia boleh berlaku secara langsung dan tidak langsung. Ejen sosialisasi politik belia menyumbang kepada pembentukan minat belia dalam berbual atau berbincang mengenai isu politik atau isu-isu semasa. Proses yang berlaku secara langsung melibatkan perkongsian maklumat, nilai atau perasaan secara eksplisit sebagai contoh, pembelajaran pendidikan Sejarah di sekolah atau pelaksanaan program berkaitan kepimpinan. Manakala sosialisasi politik secara tidak langsung dalam kalangan belia pula berlaku seiring dengan perkembangan mereka yang cenderung dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku orang di sekeliling seperti keluarga, guru dan teman-teman.

Tafsiran belia secara umumnya terhadap perkataan politik adalah sangat jelas. Mereka melihat politik sebagai satu bentuk kepimpinan yang menjalankan tadbir urus kerajaan. Ahli politik sinonimnya diwakili oleh seorang individu yang menjawat jawatan yang diberikan oleh masyarakat untuk mewakili suara rakyatnya. Corak pentadbiran kerajaan adalah menjadi imej negara sama ada menjadi sebuah kerajaan yang stabil mahupun kerajaan yang bergolak. Belia masa kini juga melihat parti politik sedia ada lebih cenderung kepada sesuatu kaum atau agama. Selain itu, keputusan kerajaan juga kadang-kadang bersifat populis bergantung kepada isu atau sentimen yang dimainkan.

Kajian ini juga mendapati ibu bapa atau keluarga merupakan ejen sosialisasi utama kepada belia. Informan amnya cenderung untuk dipengaruhi oleh keluarga pada awalnya. Namun, seiring dengan perubahan masa belia akan mula membuat pertimbangan sendiri dan mengeluarkan pandangan mereka berkaitan isu politik dan kenegaraan. Senario mungkin berbeza dengan belia yang memang tidak berminat dengan isu politik, keputusan keluarga biasanya akan mempengaruhi belia tersebut secara keseluruhannya.

Selain itu, didapati sekolah juga merupakan satu wadah terbaik dalam penyebaran maklumat berkaitan politik dan kenegaraan. Guru menjadi ejen sosialisasi politik terbaik apabila pendidikan berkaitan kepimpinan, sejarah politik dan kenegaraan dipelajari. Selain itu, keterbukaan guru dan gaya penyampaian yang bersahaja boleh menarik minat belia terhadap isu 'berat' ini. Tambahan lagi, penglibatan pelajar dalam aktiviti sekolah atau persatuan iaitu aktiviti kokurikulum secara tidak langsung memberi pendedahan tentang 'sistem politik'.

Penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga merupakan sebahagian proses sosialisasi politik yang berlaku di sekolah. Selain itu, perbincangan di antara rakan sekeliling juga turut membantu dalam proses menanamkan minat belia untuk terlibat dan mengambil tahu isu semasa negara. Pelaksanaan Undi-18 membuka peluang untuk belia bertukar pandangan tentang prestasi kerajaan. Hasil kajian yang dijalankan oleh Nor Anita (2017) mendapati bahawa belia yang menyambung pengajian di peringkat tinggi cenderung untuk membuat pilihan mereka sendiri kerana kehidupan di waktu kampus boleh mengubah corak sosialisasi politik dan corak pemikiran belia terbabit.

Pemimpin sedia ada juga boleh mempengaruhi minat belia dalam mengikuti perkembangan politik melalui perwatakan atau keaktifan bergiat dalam aktiviti parti politik yang ada. Pemimpin yang ikhlas mendekati rakyat dan berusaha untuk menangani masalah rakyat akan menjadi ikon kepada belia. '*Engagement*' yang berterusan wakil rakyat terhadap masyarakat akan menjadikan mereka sentiasa relevan dan dilihat penting dalam konteks politik dan pentadbiran.

Melalui sesi temubual berkumpulan yang diadakan juga telah didapati bahawa belia mudah untuk didekati sekiranya isu berkaitan keperluan dan kehendak mereka difahami. Pada pandangan mereka, isu seperti kebolehpekerjaan adalah lebih penting berbanding perebutan kuasa ahli politik. Justeru itu adalah penting bagi pemimpin untuk memahami keperluan belia

dan menggunakan ruang tersebut dalam memenangi hati belia. Pelaksanaan aktiviti yang menghubungkan belia dan pemimpin atau penyediaan platform bagi pertukaran pandangan boleh dilakukan bagi menarik minat belia terhadap politik secara tidak langsung.

Melalui analisis dapatan kajian, didapati informan tidak menyatakan secara langsung kesan sistem pekerjaan dalam proses sosialisasi politik kepada belia. Namun, jika diteliti dengan lebih terperinci, belia yang bekerja lazimnya terdedah dengan proses sosialiasi politik di tempat kerja mereka. Perbincangan dengan rakan sekerja, proses membimbing dan bekerjasama dalam kumpulan serta keperluan kerja dalam proses komunikasi memastikan belia perlu meningkatkan pengetahuan dalam hal-hal semasa.

Kajian ini juga mendapati antara faktor belia tidak mahu terlibat dengan politik adalah kerana mereka merasakan tidak dipedulikan dan pandangan yang dikongsikan oleh mereka tidak diendahkan oleh pemimpin. Selain itu, belia juga merasakan kerenah ahli politik yang tidak bertanggungjawab mencemarkan imej negara dengan beberapa isu hangat yang mendapat perhatian media dari dalam dan luar negara. Selain itu, belia yang tidak aktif berpersatuan juga cenderung untuk tidak mengambil tahu mengenai politik. Ini kerana mereka kekurangan maklumat tentang politik dan pilihanraya kerana kurang bergaul dan bersosial dengan rakan- rakan. Rajah 2 berikut menunjukkan ringkasan proses sosialisasi politik dalam kalangan belia Malaysia.




**Rajah 2**: Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Proses Sosialisasi Politik dalam Kalangan Belia Malaysia

## 4.3. Pemahaman Tentang Demokrasi dalam kalangan belia Malaysia

Melalui hasil temubual berkumpulan yang telah dilaksanakan, informan telah berkongsi pengetahuan mereka berkaitan demokrasi dan kenegaraan. Selain itu, pandangan mereka berkenaan amalan dan proses demokrasi di Malaysia juga turut dikongsikan. Secara umumnya informan mempunyai pengetahuan mengenai sistem demokrasi dan amalannya di Malaysia. Namun, pemahaman mereka dilihat dipengaruhi oleh latar belakang akademik dan interasksi sosial dalam kehidupan seharian mereka.

**Jadual 4**: Tema Dapatan Kajian Mengenai Pemahaman Belia Tentang Demokrasi

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| 1. | **Pengetahuan belia tentang demokrasi dan kenegaraan** | **Ada platform politik untuk belia**<br><br>Hasil kajian mendapati bahawa ada informan yang mempunyai maklumat mengenai medium formal bagi mengetengahkan bakat kepimpinan dan menyuarakan pandangan seperti Dewan Muda Malaysia dan Parlimen Belia Malaysia. Namun ada juga yang tidak mengetahui berkaitan dua organisasi ini. |
| | | **Kefahaman belia berkaitan tadbir urus**<br><br>Sebahagian informan mempunyai kefahaman secara asas berkaitan tadbir urus. peranan institusi beraja dan keistimewaan yang ada pada kaum bumiputera. |
| | | **Kefahaman berkenaan demokrasi**<br><br>Melalui perbincangan, informan didapati memahami demokrasi sebagai satu platform kebebasan bersuara serta proses pengundian adalah salah satu cara membentuk kerajaan yang memerintah berdasarkan undang-undang. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Kesan ketidakstabilan politik kepada negara**<br><br>Belia juga dapat melihat bahawa ketidakstabilan politik menyumbang kepada inflasi negara. Ketidakstabilan politik ini dicerminkan melalui sikap ahli parlimen yang tidak konsisten, perebutan kuasa dan keadaan sosio-ekonomi masyarakat yang semakin tertekan setiap hari. |
| | | **Pandangan terhadap belia masa kini**<br><br>Terdapat golongan belia yang tidak tahu dan memanfaatkan peluang yang mereka ada bagi menonjolkan bakat kepimpinan yang ada. Mereka juga digambarkan sebagai individu yang masih bergantung kepada keluarga dalam membuat keputusan. |
| | | **Pengetahuan belia berkaitan amalan demokrasi**<br><br>Informan secara umumnya mempunyai pengetahuan yang baik mengenai pilihanraya, perlembagaan, dan peranan institusi politik negara. Ini khasnya kepada informan yang mempunyai latar belakang akademik daripada institusi pengajian tinggi. |
| | | **Pengetahuan tentang hak warganegara Malaysia**<br><br>Umumnya informan sedar mengenai hak mereka sebagai warganegara Malaysia. |
| | | **Pengetahuan tentang UNDI 18**<br><br>Pengetahuan informan mengenai UNDI 18 agak baik. Terdapat informan menyatakan bahawa UNDI 18 dilaksanakan bagi menambah bilangan pengundi di Malaysia. |



| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| 2. | **Pengetahuan belia tentang demokrasi dan kenegaraan** | **Kefahaman mengenai proses demokrasi di Malaysia**<br><br>Secara umumnya, informan mempunyai pengetahuan asas mengenai demokrasi di Malaysia. Media sosial pada masa kini menjadikan perkongsian dan penyebaran berita tanpa sempadan. Ini menjadikan belia mengetahui perjalanan pentadbiran kerajaan dengan maklumat yang dipaparkan. |
| | | **Pandangan terhadap amalan demokrasi**<br><br>Informan berpandangan bahawa golongan muda ini perlu diberikan lebih banyak pendedahan dan Malaysia sedang menuju ke arah itu. Halatuju negara pula boleh dilihat berdasarkan corak kepimpinan yang dibentuk. |
| | | **Proses demokrasi di Malaysia tersekat**<br><br>Informan berpandangan bahawa belia melihat proses demokrasi di Malaysia adalah terhalang dengan beberapa kes yang pernah tular di Malaysia. |
| | | **Sikap belia terhadap demokrasi**<br><br>Informan berpendapat bahawa terdapat belia yang memilih jalan mudah dalam menyuarakan pandangan mereka melalui salah guna platform media sosial. Mereka juga bersetuju bahawa ada dalam kalangan belia masa kini kurang pengetahuan mengenai landskap politik semasa dan undi belia mudah diumpan dengan wang. |

Berdasarkan temu bual dalam dalam berkumpulan, secara umumnya informan tahu dan sedar adanya ruang serta peluang yang disediakan untuk belia meningkatkan pengetahuan tentang demokrasi dan kenegaraan. Platform untuk memperkasakan pengetahuan belia berkaitan demokrasi dan

kenegaraan sangat diperlukan kerana asas pengetahuan mereka hanyalah setakat pendidikan formal di sekolah, khasnya subjek sejarah bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau subjek Pengajian Am semasa Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pelaksanaan program Parlimen Belia oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2014 dijadikan penanda aras komitmen kerajaan persekutuan menyediakan platform kepada golongan belia untuk literasi politik, menggilap bakat kepimpinan dan penyuburan amalan demokrasi di Malaysia. Perkara ini disokong oleh Mohd Uzaini dan Suhana (2018) yang merumuskan bahawa pelaksanaan Parlimen Belia yang melibatkan golongan belia dalam proses membuat keputusan mampu memberi impak positif terhadap perkembangan aset belia serta sumbangan kepada kerajaan.

Informan memahami bahawa bukan satu perkara yang mudah untuk mentadbir sebuah negara yang memiliki kepelbagai bahasa, agama, budaya dan lokasi penempatan. Belia bersetuju bahawa Malaysia perlu mempunyai satu sistem tadbir urus negara yang baik dan belia berperanan serta bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju pentadbiran negara. Pengetahuan dan kefahaman belia berkaitan institusi parlimen, institusi raja berperlembagaan, pengasingan kuasa dan pemerintahan berbentuk Persekutuan berada ditahap yang minima. Oleh itu, perlu ada usaha segera dari pihak kerajaan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan belia menerusi aktiviti advokasi serta literasi yang perlu dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), ahli parlimen, atau Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Menarik apabila informan tahu apa yang mereka perlu dan mahukan untuk meningkatkan kecelikan berkaitan demokrasi dan politik Malaysia. Ini mencerminkan belia kini sudah mempunyai sumber dan maklumat politik yang pelbagai. Informan sangat menekankan kebebasan bersuara sebagai asas dalam penyuburan amalan demokrasi di Malaysia. Kebebasan bersuara belia biasanya diterjemahkan dalam media sosial sedia ada. Pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh lima tahun berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan bagi membentuk sebuah kerajaan Persekutuan. Oleh itu, informan memahami keperluan dan kepentingan penyertaan belia dalam pilihan raya sama ada untuk pemilihan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri.

Informan tahu dan sedar senario ketidakstabilan politik negara masa kini, khasnya pasca PRU ke-14. Malah, ada dalam kalangan informan yang berpengetahuan dan celik politik boleh menghubung kaitkan ketidakstabilan

politik negara dengan kemasukan pelaburan asing, kadar tukaran asing, defisit belanjawan dan peningkatan kadar inflasi negara. Ini bermakna belia cakna dengan politik kontemporari. Informan berpendapat ketidakstabilan politik negara meletihkan, menjemukan dan keyakinan belia terhadap pemimpin politik semakin terhakis. Tambahan pula, tingkah laku ahli parlimen sama ada '*government of the day*' atau pembangkang dalam perbahasan Dewan Rakyat memalukan dan tidak selari dengan Rukun Negara yang menekankan warganegara Malaysia mementingkan 'kesopanan dan kesusilaan'. Malah sukar untuk belia memberikan contoh pemimpin dalam kalangan politik Malaysia yang boleh membetulkan kemelut politik Malaysia. Belia tidak mahu ketidakstabilan politik Malaysia berterusan yang akan memberi kesan kepada sosio-ekonomi negara.

Secara umumnya, pengetahuan informan terhadap isu-isu belia dan penyertaan belia dalam amalan demokrasi di Malaysia hari ini ada dan pada tahap yang baik. Kelebihan belia hari ini ialah mereka ada akses untuk pelbagai sumber dan maklumat bagi membina pengetahuan berkaitan demokrasi dan kenegaraan. Namun begitu, pengetahuan informan berkaitan demokrasi dan kenegaraan yang diperoleh belum membolehkan mereka berani dan bijak membuat keputusan demi kepentingan belia serta masa depan negara Malaysia. Faktor persekitaran budaya dan tradisi, khasnya rakan sebaya, 'anutan' politik ibu bapa dan amalan politik identiti masih kuat dalam mempengaruhi belia untuk membuat keputusan walaupun mereka mempunyai pengetahuan demokrasi dan politik yang baik.

Keseluruhannya, informan ada pengetahuan asas yang baik berkaitan proses pilihan raya; peranan SPR; peruntukan pilihan raya dalam Perlembagaan Persekutuan; perbincangan secara terbuka berkaitan isu pilihan raya dalam akhbar pelbagai bahasa di pasaran; dan adanya parti-parti politik utama dan pembangkang di Malaysia. Pengetahuan berkaitan peranan SPR contohnya diperoleh menerusi laman web dan media arus perdana. Akhbar yang diterbitkan secara atas talian juga menjadi rujukan belia untuk menambah pengetahuan berkaitan pelaksanaan pilihan raya di Malaysia. Informan amnya mahukan SPR, khasnya Akademi Pilihan Raya lebih banyak 'turun padang' ke setiap negeri dan menyediakan infografik atau modul ringkas bagi tujuan memberi penerangan berkaitan pelaksanaan pilihan raya di Malaysia.

Satu perkara asas dalam konteks pembinaan negara bangsa ialah hak warganegara. Dalam hal ini, ada dalam kalangan informan yang ditemu bual boleh memberi contoh-contoh relevan berkaitan hak warganegara. Antara

yang disenaraikan dalam temu bual termasuklah hak bekerja, hak beragama, hak dalam bentuk subsidi, hak dalam memiliki harta atau aset, hak kebebasan berpolitik, hak kebebasan bersuara, hak kepada keperluan asas, hak memilih, hak memilih wakil rakyat, hak mendapatkan perlindungan kerajaan, hak pelepasan cukai, hak pendidikan, hak perubatan, hak pilihanraya yang adil, hak untuk hidup aman, hak untuk memilih wakil rakyat. Dari sisi yang lain, masih ramai belia yang ada pengetahuan yang minima berkaitan dengan sejarah pemberian kerakyatan kepada semua rakyat Malaysia hari ini.

Pengetahuan informan berkaitan Undi 18 adalah pada tahap yang minima. Ada yang tahu dan ada yang tidak tahu dan sedar kini mereka secara automatik sudah berdaftar sebagai pemilih dan boleh mengundi. Oleh itu, berdasarkan sesi temubual berkumpulan yang diadakan, pelbagai perspektif diberikan oleh belia berkaitan Undi 18 yang mula dilaksanakan pada Disember 2021. Terdapat informan yang bersetuju dan ada informan yang mencadangkan agar Undi 18 diubah semula kepada 21 tahun. Antara alasan mereka tidak bersetuju dengan Undi 18 termasuklah kurangnya kempen kesedaran Undi 18 oleh SPR, penerangan atau parti politik; tiada pengalaman sebagai pengundi kerana kali pertama mengundi; lokasi pusat daerah mengundi yang jauh; belum bersedia membuat pemilihan; keliru perbezaan pilihan raya negeri (PRN) dengan pilihan raya umum (PRU); dan tiada kepastian untuk memilih calon atau parti. PRN Johor yang diadakan pada Mac 2022 merupakan platform terawal Undi 18 dilaksanakan di Malaysia.

Informan yang ditemubual mempunyai perspektif dan boleh membina naratif politik yang tersendiri berkaitan amalan dan proses demokrasi di Malaysia. Sekali lagi, asas pengetahuan mereka diperoleh menerusi subjek Sejarah dan subjek Pengajian Am. Sebagai contoh, mereka memahami institusi Parlimen dan fungsi Parlimen; proses pemilihan wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen atau Negeri; dan pembahagian kuasa di antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Informan dilihat memahami peranan Institusi Parlimen yang perlu memainkan peranan dan berfungsi dengan lebih baik dalam menyuarakan keperluan dan kepentingan rakyat. Hal ini penting bagi mencapai kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Malaysia. Apa yang lebih mengecewakan belia ialah tingkah laku Ahli Parlimen dalam perbahasan yang tidak mempraktikkan 'kesopanan dan kesusilaan'.

Dari perspektif informan, ruang dan peluang mereka masih terhad dalam amalan demokrasi di Malaysia. Mereka menyarankan agar belia perlu dilibatkan dalam merangka polisi atau dasar awam berkaitan belia. Ini kerana belia melihat mereka sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam pembinaan negara

bangsa. Oleh itu, suara mereka perlu didengar dan tidak boleh dipinggirkan dalam menyuburkan amalan demokrasi di Malaysia. Belia juga mahukan lebih ramai wakil mereka di Parlimen Malaysia dan bukan '*kitar semula*' pemimpin yang sama. Ada dalam kalangan informan menjadikan contoh dalam parti politik DAP yang sentiasa mengambil inisiatif mengetengahkan muka baharu dalam politik Malaysia.

Umumnya informan melihat proses demokrasi di Malaysia perlu ada tindakan penambahbaikan segera dengan kepentingan belia dan negara Malaysia. Isu Parlimen tidak bersidang; pengundi hantu; isu lompat parti; isu kronisme; isu campur tangan badan eksekutif terhadap badan perundangan dan kehakiman; dan isu politik wang menyebabkan proses demokrasi di Malaysia dilihat dicabuli, tidak dihormati, tidak sihat dan tidak mendatangkan kebaikan kepada belia dan negara. Belia tidak mahu proses demokrasi di Malaysia terhalang dan disekat.

Hasil kajian mendapati, kecenderungan informan menjadikan Lembah Klang sebagai penanda aras perkembangan terkini amalan demokrasi di Malaysia. Ada dua aliran berkaitan sikap belia terhadap amalan demokrasi di Malaysia. Di satu pihak, mereka ambil mudah, yakin dan percaya tiada keperluan untuk cakna hal- ehwal demokrasi di Malaysia. Hal 'cari makan' lebih diutamakan dalam keperluan hidup mereka. Di satu pihak yang lain pula, belia perlu cakna politik dan faham keperluan pemilikan dan kepentingan kuasa politik. Oleh itu, golongan belia ini mahu meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan demokrasi serta kenegaraan di Malaysia. Rajah 3 turut menunjukkan ringkasan bagi pemahaman demokrasi informan hasil daripada kajian yang dilakukan.






**Rajah 3**: Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Pemahaman Belia Tentang Demokrasi

## 4.4. Pandangan Belia Berkaitan Proses Sosialisasi Politik di Malaysia

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat informan yang mengikuti senario politik semasa di Malaysia dan mereka mempunyai pandangan mereka tersendiri. Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa informan berkongsi platform bagi mereka mendapatkan maklumat berkenaan isu politik dan negara yang mana boleh digunakan bagi penyebarluasan maklumat selain dari langkah memperkasakan peranan pemegang taruh belia. Informan turut merungkaikan persoalan mengenai pelaksanaan UNDI 18 dari lensa belia.

**Jadual 5**: Tema Dapatan Kajian Mengenai Pandangan Belia Berkaitan Proses Sosialisasi Politik

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| 1. | **Perspektif belia terhadap senario politik** | **Isu situasi politik semasa**<br><br>Kajian ini mendapati bahawa informan melihat masyarakat secara amnya mudah memberi undi sekiranya terdapat imbuhan wang diberikan kepada pengundi. Arus politik masa kini juga menyaksikan ada pemimpin yang gemar bertukar parti politik demi kepentingan diri, maka undang-undang lompat parti sesuai dikuatkuasakan segera agar mereka sedar bahawa mandat yang diberikan oleh rakyat tidak dipermainkan. |
| | | **Pandangan kepada ahli politik**<br><br>Rata-rata informan mempunyai pandangan negatif kepada ahli politik dan ini menunjukkan mereka kurang percaya dengan ahli politik. Mereka juga mengatakan bahawa ahli politik di Malaysia hanya turun bertemu rakyat pada musim pilihan raya sahaja. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Pandangan terhadap pilihan raya**<br><br>Tidak dinafikan suasana pilihan raya di Malaysia adalah meriah. Terdapat informan berpendapat personaliti seseorang calon akan menjadi ukuran mereka apabila turun mengundi, namun ada yang melihat kepada latar belakang parti politik yang dinaungi. Namun, keadaan politik semasa yang tidak stabil menjadikan parti-parti politik tersebut giat memainkan sentimen bagi meraih undi. |
| | | **Pandangan terhadap senario politik semasa**<br><br>Secara umumnya, informan melihat perkembangan semasa politik di peringkat nasional adalah kurang memberangsangkan, khasnya melihat kepada perubahan tampuk kepimpinan negara yang berubah dalam tempoh beberapa tahun. Di kalangan mereka juga bersetuju bahawa media memainkan peranan dalam membentuk senario politik di Malaysia. Sisi buruk dan baik ahli politik akan ditonjolkan oleh media yang mana turut menyumbang kepada perubahan dalam lanskap politik masa kini. |
| 2. | **Membina proses literasi politik melalui UNDI 18** | **Pendedahan kepada UNDI 18**<br><br>Informan berpendapat bahawa pelaksanaan UNDI 18 akan memberi pendedahan kepada golongan belia awal khususnya dalam sebahagian proses membina negara. Walaupun ada yang mengatakan masih terlalu awal bagi remaja berumur 18 tahun untuk turut terlibat dalam proses pilihan raya, namun kematangan seseorang tidak diukur dengan umur. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Sebab tidak menyokong UNDI 18**<br><br>Ada informan yang tidak bersetuju dengan perubahan umur minimun ialah 18 tahun. Antara hujah mereka untuk tidak menyetujui pelaksanaan UNDI18 adalah kerana golongan belia awal ini masih kurang matang, kurang pendedahan kepada politik dan kurang pengetahuan berkenaan politik |
| **3.** | **Memperkasa peranan pemegang taruh belia** | **Memastikan setiap pemegang taruh belia ter menyampaikan maklumat berkaitan demokrasi dan kenegaraan**<br><br>Hasil kajian mendapati beberapa pemegang taruh belia yang dikenalpasti boleh membantu dalam proses literasi kepada belia adalah Suruhanhaya Pilihan Raya, Kementerian Komunikasi Digital, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung serta Kawasan Rukun Tertangga, IDEAS, Cent-GPS, ahli parlimen dan wakil parti politik. |
| | | **Peranan pemegang taruh belia**<br><br>Berdasarkan sesi perbincangan, informan menyatakan bahawa pemegang taruh belia seperti keluarga dan masyarakat membantu belia dalam memahami konteks politik secara am. Maka dapat disimpulkan bahawa pemegang taruh belia adalah sistem sokongan yang penting bagi belia dalam membentuk individu yang berpengetahuan dan membangun. Peranan utama orang yang lebih dewasa adalah memberi tunjuk ajar dan membimbing belia dengan mempraktiskan "*youth-adult partnership*".. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| 4. | **Memperkasa peranan pemegang taruh belia** | **Belia menggunakan gajet secara optimum**<br><br>Kajian mendapati rata-rata informan mempunyai lebih dari satu telefon bimbit. Ini memberi gambaran belia masa kini menggunakan telefon bimbit secara sepenuh masa. Penggunaan gajet ini juga lazimnya bermula dari awal persekolahan lagi. |
| | | **Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui media sosial**<br><br>Hasil kajian mengesahkan bahawa belia masa kini majoritinya bergantung kepada media sosial dalam mendapatkan info semasa. Kebergantungan kepada media sosial dan dunia tanpa sempadan ini merupakan satu kebimbangan terhadap belia kini. |
| | | **Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui berita arus perdana**<br><br>Informan didapati turut mendapat maklumat melalui televisyen iaitu semasa siaran berita seperti di saluran Media Prima, RTM, dan Astro Awani. |
| | | **Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui orang sekeliling**<br><br>Didapati, pengaruh orang di sekeliling juga memainkan peranan kepada informan dalam mendapatkan maklumat dengan segera. Lazimnya, sesuatu isu yang hangat dibincangkan secara meluas dari mulut ke mulut. |
| | | **Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui buku**<br><br>Terdapat segelintir informan yang masih mengamalkan amalan membaca buku bagi mendapatkan maklumat tambahan berkaitan isu-isu negara luar dan tempatan. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui parti politik**<br><br>Informan yang aktif dalam persatuan turut menggunakan peluang dan ruang yang ada bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan isu-isu politik melalui penglibatan dalam parti politik. |
| | | **Tempoh masa mendapatkan maklumat berkaitan isu semasanegara**<br><br>Menurut informan, mereka mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa negara pada setiap masa kerana akses kepada media sosial tanpa had. Namun, waktu malam juga adalah paling kerap mereka meluangkan masa bagi mencari info-info terkini. Selain itu, hujung minggu adalah tempoh yang sesuai bagi mereka membincang dan melibatkan diri dalam perbualan berkenaan isu semasa negara. |

Melihat kemeriahan pelaksanaan pilihan raya, terutamanya pada tempoh berkempen seharusnya menimbulkan minat kepada belia bagi mengetahui lebih terperinci mengenai isu politik semasa. Namun ianya kerap kali dicemari dengan berita-berita yang tidak enak didengar seperti politik wang dan rasuah politik, isu *'bad governance'* dan lain-lain yang menjadikan belia muak dengan politik dan ahli politik. Adegan lompat parti juga kerap berlaku menyebabkan anak muda merasakan proses pengundian adalah satu pembaziran memandangkan kehendak rakyat seolah-oleh dipermainkan oleh ahli politik.

Kajian juga mendapati informan melihat gelagat sesetengah wakil rakyat sebagai tidak matang dan mempunyai akhlak yang tidak baik. Berdasarkan maklumat yang mereka dapati daripada media, wakil rakyat tidak menjadikan Dewan Rakyat sebagai satu tempat untuk berbincang dengan rasional mengenai pelaksanaan dasar dan cadangan kerajaan sebaliknya tempat untuk mereka menyerang individu lain dengan aksi menjerit, menyumpah seranah dan lain-lain. Walaupun majoriti wakil rakyat adalah dikira senior di Parlimen, namun sikap kebudak-budakan yang dipamerkan membunuh minat belia

Malaysia untuk mengambil berat isu semasa negara. Selain itu, terdapat juga wakil rakyat yang telah berusia dan mempunyai masalah kesihatan tidak dapat melaksanakan tugas mereka dengan sempurna. Justeru itu, wajar sekiranya pemimpin muda yang mempunyai potensi dan berkelayakan diberi peluang untuk ke hadapan untuk menggalas tugas membina negara.

Proses literasi politik terhadap belia perlu digiatkan selaras dengan pelaksanaan UNDI 18. Konteks politik secara asas perlu diperkenalkan kepada belia pada peringkat umur awal yang mana bukan hanya fokus kepada pilihan raya negara atau pentadbiran kerajaan sahaja namun lebih meluas dan berlaku dalam kehidupan seharian seperti pemilihan jawatankuasa persatuan, pemilihan ketua kelas dan pemilihan pemimpin di pelbagai peringkat lagi. Pendedahan awal ini boleh mendidik mereka dalam menentukan keperluan menilai individu yang tercalon dan membuat timbang tara terhadap keputusan mereka.

Namun proses literasi politik awal ini perlu dibimbing oleh guru dan ibu bapa sebaiknya dengan mengelakkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dipelajari belia seperti memainkan sentimen peribadi, rasuah wang dan lain-lain. Melalui pengalaman yang disediakan kepada belia di peringkat awal ini, maka sudah pasti alasan belia tidak matang, belia belum bersedia ataupun belia kurang pendedahan sudah tidak menjadi isu bagi pelaksanaan UNDI 18.

Hasil kajian turut mendapati proses sosialisasi politik di kalangan informan dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan oleh pemegang taruh belia. Maka, setiap persatuan, parti politik, NGO, agensi dan kementerian yang mempunyai peranan dalam pembangunan belia perlu menjalankan fungsi mereka bagi membantu dalam proses literasi politik yang berterusan kepada belia. Pemegang taruh belia adalah sistem sokongan yang penting bagi belia dalam membentuk individu yang berpengetahuan dan membangun dari segala aspek. Melalui sesi temubual yang dilaksanakan, belia ada menyatakan beberapa agensi yang dirasakan boleh membantu proses penyebaran maklumat kepada belia seperti Suruhanhaya Pilihan Raya, Kementerian Komunikasi Digital, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung serta Kawasan Rukun Tertangga, IDEAS, Cent-GPS, ahli parlimen dan wakil parti politik.

Telefon bimbit dan gajet elektronik adalah pendamping setia pada belia masa kini. Pengundi muda menggunakan media sosial hampir setiap masa. Justeru itu, dalam tempoh meraih undi, salah satu cara yang mungkin berkesan dalam mendapatkan undi belia adalah menggunakan strategi pemasaran yang mengetengahkan pempengaruh *(influencer)* yang positif dan mempunyai

ramai pengikut. Selain dari tujuan meraih undi, pemegang taruh belia juga boleh memanfaatkan medium ini untuk turut menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan literasi politik. Platform media sosial yang paling kerap diakses oleh belia ialah Tik Tok, Instagram, Youtube, Facebook dan lain-lain.

Perkongsian maklumat melalui media arus perdana juga masih relevan kini. Sesetengah belia meluangkan masa bagi menonton berita yang dipaparkan di televisyen mahupun berita dan akhbar secara atas talian. Majoriti waktu tontonan adalah pada jam 8 malam memandangkan mereka telah berada di rumah selepas waktu persekolahan dan pengajian. Isu-isu dan maklumat yang mereka perolehi ini biasanya akan dikongsikan dan menjadi topik perbualan bersama rakan pada keesokannya.

Tambahan juga, ada belia mendapatkan maklumat mengenai sejarah negara dalam dan luar negara melalui pembacaan buku. Cerita mengenai pembentukan negara atau kisah-kisah pergolakan negara luar banyak dibukukan dan mudah diperoleh sama ada dalam bentuk fizikal ataupun secara atas talian. Pembacaan dan pengumpulan pengetahuan mengenai sejarah pembangunan negara-negara boleh menyumbang kepada pemikiran yang kritis dan konstruktif justeru menyedarkan belia tentang kepentingan menjaga negara.

Prabowo et al (2020) menyatakan bahawa pelaksanaan kempen pilihan raya menggunakan media boleh membantu parti politik dalam meningkatkan jumlah penyokong dan memaparkan elemen simpati, namun ia juga membawa kepada konflik. Kadar respon dan impak melalui media ini bergantung kepada nilai provokatif yang ada pada maklumat politik yang disebarkan. Ini selari dengan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah Malaysia 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) yang melaporkan peningkatan pengunaan internet di kalangan individu pada tahun 2021 dengan 96.8 peratus berbanding tahun 2020 (89.6 peratus). Rajah 4 memaparkan ringkasan pandangan belia berkaitan proses sosialisasi politik.




**Rajah 4**: Rajah 4: Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Pandangan Belia Berkaitan Proses Sosialisasi Politik

## 4.5. Harapan Belia Berkaitan Demokrasi di Malaysia

Kajian ini turut mengupas harapan informan tentang pembinaan negara pada masa akan datang yang mana disandarkan kepada pemimpin yang memegang jawatan serta parti politik yang memerintah. Turut dikongsikan adalah harapan kepada belia yang merupakan pemegang taruh terbesar dalam pembinaan negara bangsa Malaysia tercinta.

**Jadual 6**: Tema Dapatan Kajian Tentang Harapan Belia Berkaitan Demokrasi

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| 1. | **Mengenali ciri calon dan parti politik ideal belia** | **Pemimpin yang berintegriti**<br><br>Informan sepakat menyatakan mereka menginginkan calon pemimpin yang berintegriti. |
| | | **Pemimpin yang berpengalaman**<br><br>Informan menginginkan calon pemimpin yang berpengalaman dan tahu selok belok dalam urusan pentadbiran negara. |
| | | **Pemimpin yang mempunyai visi**<br><br>Informan umumnya mahukan calon pemimpin yang mempunyai visi kerana pemimpin tersebut tahu dan jelas apa yang akan dilakukan dengan kuasa yang dia ada. |
| | | **Pemimpin yang mengutamakan rakyat**<br><br>Bagi informan, mereka mahukan calon pemimpin yang mengutamakan rakyat di setiap peringkat. Agenda masyarakat perlu menjadi keutamaan dalam pentadbiran dan setiap lapisan masyarakat tidak terpinggir. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Pemimpin yang terbuka kepada pandangan dan kritikan**<br><br>Menurut informan, antara kriteria calon pemimpin yang mereka mahukan ialah seorang yang terbuka kepada pandangan dan kritikan serta tidak mengabaikan buah fikiran yang diberikan oleh orang bawahan. |
| | | **Parti politik yang bertanggungjawab**<br><br>Informan mahukan parti politik yang lebih bertanggungjawab dan tidak hanya memfokuskan pencapaian diri sendiri. |
| | | **Parti politik yang fokus negara**<br><br>Informan menyatakan bahawa parti politik yang fokus kepada agenda negara demi memastikan Malaysia menjadi negara maju dan masyarakat yang membangun. |
| | | **Parti politik yang mengamalkan kesamarataan**<br><br>Parti politik yang mengamalkan kesamarataan yang tidak hanya rasis pada kaum atau sesebuah agama sahaja merupakan satu kriteria yang penting bagi informan. |
| | | **Contoh pemimpin ideal sedia ada**<br><br>Informan telah memberi bayangan pemimpin sedia ada yang mungkin menyamai contoh calon pemimpin ideal mereka iaitu seperti Abdul Hadi Awang, Dato' Seri Najib Razak, Dato' Sri Anwar Ibrahim, Khairy Jamaluddin, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Nurul Izzah Anwar, dan Tun Dr. Mahathir. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Pemimpin yang ditolak bersifat hipokrit dan kontroversi**<br><br>Informan rata-ratanya menolak ciri individu yang tidak patut menjadi seorang pemimpin iaitu mereka yang bersifat hipokrit dan suka kepada kontroversi |
| **2.** | **Harapan kepada ahli parlimen dan pemimpin negara** | **Kematangan dalam berpolitik**<br><br>Informan berharap agar pemimpin yang telah diberikan kuasa dan mempunyai jawatan untuk sentiasa bersikap matang dan melaksanakan tugasan yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab. |
| | | **Mengutamakan kepentingan dan keperluan rakyat**<br><br>Secara umumnya, informan berharap bahawa pemimpin yang memegang tampuk pemerintahan negara sekarang dapat mengutamakan keperluan rakyat dan mencari jalan dalam memastikan masyarakat tidak terkesan dengan ketara selepas perubahan yang berlaku pasca Covid-19. |
| | | **Mengamalkan kesamarataan dan keadilan berdasarkan undang-undang**<br><br>Informan mengharapkan pemimpin negara memfokuskan dan mengamalkan kesamaratan dan keadilan tanpa mengira kaum dan agama. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| | | **Memberi kepercayaan kepada belia untuk terlibat dalam kepimpinan**<br><br>Informan turut berharap agar golongan muda dapat diberikan peluang dan kepercayaan untuk mengemudi negara di samping tunjuk ajar dari orang-orang yang berpengalaman. |
| | | **Pemimpin adalah individu yang mempunyai rekod yang bersih dan melaksanakan tugas dengan bertanggunjawab**<br><br>Secara amnya, informan menaruh harapan agar pemimpin negara terdiri daripada individu yang mempunyai keterampilan yang baik dan fokus melaksanakan tugas adalah menjadi harapan belia Malaysia. |
| **3.** | **Harapan untuk belia** | **Peluang kepada pemimpin muda**<br><br>Informan mengharapkan agar pemimpin muda diberikan pendedahan sewajarnya. Untuk pelaksanaan pilihan raya juga, informan turut mengharapkan agar lebih ramai muka baru diketengahkan bagi membawa suara rakyat dengan idea baru. |
| | | **Peluang untuk belia menyuarakan pandangan**<br><br>Bagi informan, pemimpin sedia ada seharusnya terbuka menerima pandangan dan berlapang dada ketika mendapat kritikan dari golongan muda. Perbincangan secara dua hala yang berkesan dan jelas adalah langkah yang perlu diamalkan oleh semua pihak. |

| BIL. | TEMA | DAPATAN KAJIAN |
|---|---|---|
| 4. | **Harapan kepada belia** | **Mengambil tahu isu politik dan kenegaraan**<br><br>Informan kajian turut menyatakan harapan kepada belia pada masa akan datang supaya turut mengambil tahu isu-isu semasa negara agar tidak mudah dimanipulasi oleh pihak yang mempunyai kepentingan diri. |
| | | **Menyertai sebarang aktiviti politik atau berpersatuan**<br><br>Informan turut mengharapkan agar golong muda lebih melibatkan diri dalam sebarang aktiviti persatuan yang ada supaya kemahiran sosial individu belia dapat digilap dan dikembangkan terutamanya dari aspek kepimpinan. |

Kepimpinan adalah kemampuan individu untuk mempengaruhi orang lain ke arah yang positif. Menjadi pemimpin bermaksud menjadi seseorang yang mempunyai tanggungjawab yang melebihi orang biasa. Menerusi pelaksanaan kajian ini, informan kajian telah melontarkan beberapa ciri pemimpin ideal yang diharapkan ada pada wakil rakyat di Malaysia. Ciri yang paling menjadi sebutan adalah mereka menginginkan seorang pemimpin yang berintegriti. Integriti mempunyai definisi yang luas, namun ringkasnya menurut informan, mereka mahukan pemimpin yang berpegang teguh kepada etika dan moral dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Pemimpin yang berintegriti tidak akan mudah goyah dengan godaan materialistik dan tegas dengan keputusan dan pandangan yang diberikan.

Informan amnya juga mahukan pemimpin yang berjiwa rakyat. Wakil rakyat yang dipilih adalah bagi mewakili suara masyarakat di tempat mereka, yang boleh memperjuangkan keperluan masyarakat. Pemimpin berijwa rakyat perlu cerdas dan mempunyai visi bagi menentukan langkah dan keputusan mereka apabila mendengar masalah dan keperluan masyarakat sekitar. Lazimnya, dalam melaksanakan tugas, pemimpin ini akan mampu berfikir

secara meluas dan mempunyai idea-idea baru bagi membawa perubahan kepada masyarakat. Secara tidak langsung pemimpin juga mengutamakan keperluan dan kehendak rakyat berbanding kepentingan sendiri.

Selain itu, informan juga mengidamkan pemimpin yang bersikap terbuka dan berlapang dada dalam menerima pandangan dan kritikan. Pemimpin yang hebat sentiasa mengalu-alukan maklum balas kerana mereka sedar terdapat kesilapan atau kesalahan yang mungkin tidak disedari oleh mereka, maka kaedah pembetulan dapat dilaksanakan. Jika dilihat pada ajaran Islam, dianjurkan pemimpin sentiasa berjiwa besar dan boleh menerima teguran selain mengalu- alukan orang lain memberi pandangan bermanfaat sepertimana yang dibuat oleh Sayidina Umar Al-Khattab ketika dilantik menjadi khalifah.

Antara nama pemimpin sedia ada yang mungkin mempunyai satu atau lebih ciri-ciri ideal seorang pemimpin menurut informan adalah seperti Abdul Hadi Awang, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Khairy Jamaluddin, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Nurul Izzah Anwar, dan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Jika dilihat dari barisan nama yang disenaraikan, setiap individu mempunyai tunjang kekuatan masing-masing sama ada dari segi ideologi, integriti, ketegasan, berwawasan dan mempunyai aura mereka tersendiri. Belia melihat wakil rakyat tersebut dari pelbagai sudut dan aspek-aspek baik yang ditonjolkan berjaya menambat hati belia dalam bidang politik dan kepimpinan. Pemimpin yang suka mencipta kontroversi dan hipokrit adalah ditolak oleh golongan belia.

Jika dilihat dari segi pembentukan parti politik yang ideal pula, informan menginginkan parti politik yang dibentuk menunjukkan semangat tanggungjawab kepada ahli, fokus kepada agenda negara dan mengamalkan kesamarataan. Ironinya, sesebuah parti politik yang dipelopori oleh individu-individu yang mempunyai imej kendiri hebat, maka tidak mustahil parti politik yang dinaungi boleh bergerak mengikut acuan pemimpin yang baik.

Melalui kajian ini juga, informan menyatakan harapan mereka kepada pemimpin negara agar menunjukkan kematangan dalam berpolitik. Pemimpin negara diharapkan tidak bertindak mengikut kepentingan diri tetapi fokus kepada pelaksanaan agenda negara dan pembangunan masyarakat. Jawatan dan kuasa yang diberikan bukan hanya sekadar menerima gaji bulanan dan faedah sebagai pemimpin namun tanggungjawab dan amanah yang perlu dipikul oleh pemimpin negara perlu sentiasa diingati.

Tambahan lagi, informan kajian ini turut berharap agar pemimpin yang terdiri dari golongan muda diberikan ruang dan peluang dalam kepimpinan. Bimbingan dari orang dewasa masih ditagih dalam mengembangkan bakat belia, namun ruang yang mencukupi juga perlu disediakan bagi pemimpin muda bersinar. Kehadiran pemimpin muda boleh menyumbang dari segi penghasilan idea-idea bernas dan baru. Pemimpin sedia ada juga digesa untuk tidak menolak pandangan yang diberikan oleh orang muda. Cadangan dan pandangan yang dibawa kepada sesi perbincangan sedikit banyak boleh meningkatkan rasa keyakinan golongan muda untuk terlibat dalam kepimpinan.

Mereka juga mengharapkan agar lebih banyak penekanan diberikan kepada golongan belia massa untuk sentiasa mengambil tahu berkaitan isu politik dan negara supaya mereka tidak dipergunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kepentingan mempunyai pengetahuan dan penglibatan dalam bidang kepimpinan membolehkan belia Malaysia bersaing dengan belia di peringkat antarabangsa dalam memajukan negara. Belia juga digalakkan untuk melibatkan diri dalam sebarang aktiviti persatuan yang ada supaya kemahiran sosial individu belia dapat digilap dan dikembangkan terutamanya dari aspek kepimpinan. Rajah 5 menunjukkan ringkasan harapan belia berkaitan demokrasi.






**Rajah 5**: Ringkasan Tema Dapatan Kajian Mengenai Harapan Belia Berkaitan Demokrasi

## 4.6. Indikator Pengukuran Sosialisasi Politik dan Demokrasi Belia di Malaysia

Menerusi pemerhatian semasa sesi temubual berkumpulan, kajian mendapati bahawa beberapa item telah dikenal pasti yang boleh membentuk indikator pengukuran sosialisasi politik dan demokrasi di Malaysia. Item yang dipilih berdasarkan kekerapan disuarakan sama ada dari informan dalam kalangan belia mahupun pelaksana.

**Jadual 7:** Cadangan Indikator Pengukurun Sosialisasi Politik

| BIL. | ITEM | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Pengetahuan | Tahap pendidikan individu; Pengetahuan individu tentang definisi politik; struktur dan sistem politik; tahap pengetahuan tentang isu semasa negara; amalan demokrasi dan kenegaraan |
| 2. | Penglibatan | Penglibatan individu dalam kelab/ persatuan politik/ bukan politik semasa belajar/ bekerja (elemen kepimpinan); penglibatan dalam aktiviti demokrasi dan kenegaraan secara formal atau informal |
| 3. | Perbincangan | Kekerapan berbincang mengenai isu politik, kenegaraan dan demokrasi; medium perbincangan dan siapa yang terlibat |
| 4. | Penggunaan media massa | Kekerapan akses media; kandungan dan topik capaian |
| 5. | Kecintaan negara | Perasaan sayangkan negara; dan semangat patriotisme |

Kaedah pengukuran proses sosialisasi politik sebenarnya telah menjadi topik perdebatan yang hangat dalam bidang penyelidikan kerana tiada satu indikator yang tetap yang digunakan dalam mengukur proses sosialisasi politik yang berlaku. Kesemua pemboleh ubah yang dikenalpasti saling bersandar dan berkait antara satu sama lain. Namun matlamat kajian berkaitan proses sosialisasi politik akhirnya akan menjurus kepada menjawab persoalan berkaitan; bila, bagaimana dan dengan cara apa personaliti seseorang individu yang dipengaruhi oleh pengetahuan berkaitan politik, pandangan, kemahiran, perasaan dan orang sekellilingnya memberi kesan terhadap pegangan politik individu terbabit.

Dekker (1991) turut menyimpulkan bahawa terdapat lima aspek penyelidikan boleh dikaji dengan lebih mendalam melibatkan: hubungan sosialisasi politik dan sistem politik; kesan sosialisasi politik; hubung kait sosialisasi politik dan karakter individu yang mengalami proses tersebut; proses sosialisasi politik dan ejen sosialisasi politik.



# 5.0 KESIMPULAN DAN SYOR

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengumpulkan pendapat dan cadangan dari golongan belia dan pelaksana tentang proses sosialisasi politik yang berlaku dalam kalangan belia Malaysia. Ejen sosialisasi politik yang paling hampir kepada belia adalah ibu bapa dan keluarga belia itu sendiri. Maka, masyarakat secara amnya perlu didedahkan dengan kefahaman dan pengetahuan berkenaan kenegaraan dan proses demokrasi di Malaysia. Orang yang lebih dewasa juga berperanan untuk berkongsi idealisme, kebijaksanaan dan pengalaman bersama golongan belia dalam menyuburkan pembudayaan demokrasi serta proses pembinaan negara.

Peranan pelbagai pemegang taruh belia juga perlu digerakkan bagi memastikan agenda literasi politik berlaku dalam kalangan belia. Semua pihak perlu mempunyai rasa kebersamaan dan tanggungjawab untuk memastikan belia Malaysia mempunyai asas dan pengetahuan yang cukup mengenai kenegaraan dan demokrasi agar belia Malaysia dapat membangun dan memajukan negara dengan lebih proaktif dan progresif. Faktor-faktor yang mendorong dan menghalang belia dari terlibat dalam proses sosialisasi politik perlu diteliti dan diambil kira bagi memastikan peningkatan penglibatan belia dalam politik khususnya dan kepimpinan secara amnya.

Jika dilihat dari konteks yang lebih luas, secara asasnya sosialisasi politik adalah hasil dari proses pembelajaran dan pengalaman yang dialami oleh individu. Selain itu, pemerhatian melalui tingkah laku orang sekeliling yang memberikan maklumat, pengetahuan dan pengajaran dari segi nilai serta sikap menyumbang kepada proses sosialisasi tersebut. Perlu diingatkan bahawa proses sosialisasi politik anak muda ini bukan berlaku sewaktu mereka berada dalam tempoh 'belia' sahaja, namun proses ini sebenarnya berlaku secara dinamik di sepanjang tempoh kehidupan seorang individu.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa syor dan cadangan yang disarankan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

**Jadual 8**: Syor dan Cadangan Kajian

| BIL. | CADANGAN KESELURUHAN | PERINCIAN |
|---|---|---|
| 1. | Mengoptimumkan sistem pendidikan sebagai wadah literasi politik | a. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi memainkan peranan dalam menambahbaik sistem demokrasi dan memantapkan pembangunan literasi politik;<br>b. Menggubal satu modul khas pendidikan atau aktiviti politik kepada belia berumur 15 hingga 17 tahun berkaitan kefahaman politik; dan<br>c. Memperkasakan pendidikan sivik dan kewarganegaraan. |
| 2. | Memperkasakan peranan agensi dan kementerian dalam memberi maklumat yang jelas dan telus | a. Agensi dan kementerian sedia ada berkaitan pembangunan belia mendedahkan fungsi dan kewujudan mereka kepada masyarakat;<br>b. Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan dalam menambahbaik sistem demokrasi dalam kalangan belia; dan<br>c. Kolaborasi merentas kumpulan pelaksana dalam menyebarkan pendidikan politik adalah diperlukan bagi memastikan maklumat yang jelas dan sahih diterima oleh belia. |

| BIL. | CADANGAN KESELURUHAN | PERINCIAN |
|---|---|---|
| 3. | Memanfaatkan penggunaan platform media sosial bagi menarik keterlibatan belia | a. Media sosial adalah suatu tarikan kepada belia yang mana platform ini perlu diguna pakai oleh pemegang taruh belia dalam menarik perhatian belia; dan<br><br>b. Penyebaran maklumat yang informatif dan kreatif melalui media sosial dan media arus perdana perlu dilakukan secara berterusan sebagai salah satu usaha meningkatkan pengetahuan belia tentang kenegaraan dan demokrasi. |
| 4. | Polisi dan peraturan bagi wakil rakyat digubal untuk penambahbaikan | a. Had umur atau tempoh memegang jawatan ahli parlimen perlu diperkenalkan agar seorang ahli parlimen tidak memegang jawatan yang sama bagi tempoh yang panjang; dan<br><br>b. Wakil rakyat yang mempunyai sabitan atau kes digantung dalam melaksanakan tugasan bagi memastikan tiada percanggahan kepentingan peribadi sehingga dibuktikan tidak bersalah. |
| 5. | Memperbanyakkan program pendidikan politik oleh pemegang taruh pembangunan belia | a. Aktiviti dan program berkaitan pendidikan politik diadakan di setiap negeri melibatkan kesemua belia tanpa mengira etnik, agama dan latar belakang; dan<br><br>b. Pelaksanaan aktiviti dan program berkaitan kepimpinan perlu ditingkatkan agar lebih ramai bakat pemimpin muda dapat digilap. |

# 6.0 PENUTUP

Hala tuju kajian ini adalah memastikan bahawa setiap konsep yang diketengahkan dapat memberikan gambaran secara komprehensif terhadap prinsip yang dibahaskan mengenai sosialisasi politik khususnya dalam kalangan belia. Sehubungan dengan itu, beberapa pendekatan wajar diambil tindakan segera agar proses sosialisasi politik dapat ditingkatkan sekali gus mampu memberi anjakan paradigma baharu kepada pembangunan politik belia. Dapatan kajian daripada kaedah kualitatif ini mungkin tidak dapat membuat satu generalisasi kepada pandangan keseluruhan belia di Malaysia, namun dapatan ini boleh digunakan sebagai input awal yang signifikan dan terperinci bagi merangka pelan tindakan pembangunan politik belia yang lebih relevan dan sesuai dengan keperluan belia pada masa kini dan akan datang. Pastinya kajian lanjutan dalam skala yang lebih luas tetapi berfokus kepada isu khusus belia terhadap pembangunan politik, demokrasi dan kenegaraan di Malaysia diperlukan lagi pada fasa seterusnya.



# RUJUKAN


Commonwealth Secretariat. (2021). *Global Youth Development Index and Report 2020.* Diperolehi daripada https://youth-development- index.thecommonwealth.org/assets/pdf/global-youth-development-report- 2020.pdf

Dekker,H.(1991). Politics and the European Younger Generation; Political Socialization in Eastern, Central and Western Europe: Political Socialization Theory and Research. Oldenburg:BIS

Greenstein, F. (1965). Children and Politics. *Yale Studies in Political Science,* Vol. 12. New Haven: Yale University Press.

Greenstein, F. (1970). A note on the ambiguity of "political socialization": Definitions, criticisms, and strategies of inquiry. *The Journal of Politics,* 32 (4), 969-978.

Hyman, H. (1959). *Political Socialization: A Study in the Psychology of Political Behaviour*. Glencoe. Free Press.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2022). Indeks Belia Malaysia 2021. Putrajaya: IYRES

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2023). Fact & Figures Indeks Belia Malaysia 2022. Putrajaya: IYRES

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (n.d.). *Statistik populasi penduduk & penduduk belia mengikut kategori umur, jantina, etnik, daerah & negeri di Malaysia Bagi tahun 2015- 2021.* https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/re adcontent4&id=134

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan Survei Penggunaan Dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah Malaysia 2021.* Diperolehi daripada https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=395&bul_id=bCs4UlNSQktybTR3THZ3a0RzV2RkUT09&menu_id=amVoWU54UTl0a21N WmdhMjFMMWcyZz09

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Statistik populasi penduduk & penduduk belia mengikut kategori umur, jantina, etnik, daerah & negeri di Malaysia.* Diperolehi daripada https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column3/accordion&menu_id=a mZNeW9vTXRydTFwTXAxSmdDL1J4dz09.

Kementerian Belia dan Sukan.(2018). Dasar Belia Malaysia 2015-2035. Putrajaya. Kementerian Belia dan Sukan.

Mohd Uzaini, M.S., Suhana, S. (2018). Perlaksanaan Dan Cabaran Penglibatan Belia Dalam Parlimen Belia Malaysia. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 13 (1).

Neundorf, Anja, and Kaat Smets, (2015) 'Political Socialization and the Making of Citizens', Oxford Handbook Topics in Politics (online edn, Oxford Academic), https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199935307.013.98.

Nor Anita Abdullah. (2017). *Belia vs Mahasiswa: Pengaruh Sosialisasi Politik*. Journal ofHumanities, Language, Culture and Business (HLCB),1 (4), 127-134

Nor Khairi,M.A., Norasid, M., Ahmad Rosli, M. N. (2019). *Penggunaan Focus Group Discussion (FGD) Dalam Meneroka Permasalahan Pengurusan Kunci di Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT).* Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning, 3,(1), 93-102

Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2022, July 16). *Teks Ucapan Sempena Hari Belia Negara 2022*. Retrieved August 30, 2022, from chrome- extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.pmo.gov.my/wp- content/uploads/2022/07/TEKS-UCAPAN-YAB-PM-HARI-BELIA-NEGARA-2022.pdf

Prabowo, E., Hidayat, D. R., Sugiana, D., Aly, B. (2020). Political Socialisation and Political Communication in Delivering Political Education and Being Community Aspiration Absorber in Indonesia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 11 (6), 235-257.

Razali, M., Boyman, S. N., Hussin, N. I., & Nor, W. M. W. A. (2016). Penglibatan politik belia: Satu analisis penyertaan konvensional di Malaysia. Jurnal Perspektif, 2(8), 70–78

United Nations. (2020). *World youth report: Youth Social Entrepreneurship and the 2030 Agenda*. Diperolehi daripada ttps://social.desa.un.org/publications/world-youth-report-2020

Verba, S., & Almond, G. A. (1989). The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations. Sage Publications.

Zuhri, S. (2010). *Peranan Sekolah Dalam Proses Sosialisasi Politik (Studi Penelitian terhadap Siswa SMA Negeri 2 Semarang).* [Tesis Sarjana, Universitas Diponegoro Semarang]. http://eprints.undip.ac.id/23898/

# PENGHARGAAN

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) ingin merakamkan setinggi- tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan, agensi, NGO dan individu yang terlibat dalam pelaksanaan Kajian Sosialisasi Politik - Aspirasi dan Kenegaraan dalam Kalangan Belia Malaysia khasnya kepada ***IYRES Community Enumerator (ICE)*** yang bertindak sebagai perantara informan bagi kajian ini.

Penghargaan juga dipanjangkan kepada pasukan pakar kajian dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Semoga laporan ini menjadi rujukan kepada semua pihak dalam merancang dan melaksanakan program-program pembangunan belia pada masa akan datang.

**PENULIS:**

ROZAHIDAH ROSLEE
PROF. MADYA DR. ZULKANAIN ABDUL RAHMAN
PROF. MADYA DR. MOHD MURSYID BIN ARSHAD
DR. ZATUL HIMMAH ADNAN

**PENYELIDIK BERSAMA:**

PROF. DR. ISMI ARIF BIN ISMAIL
PROF. MADYA DR. MOHD MURSYID BIN ARSHAD
PROF. MADYA DR. ZULKANAIN ABDUL RAHMAN
PROF. MADYA DR. MOHD IZANI BIN MOHD ZAIN
DR. ZATUL HIMMAH ADNAN

**PAKAR RUJUK:**

PROF. DATUK DR. ISMAIL SUALMAN
PROF. DR. MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI
PROF. DR. SIVAMURUGAN PANDIAN

**EDITOR:**

DR. VELLAPANDIAN PONNUSAMY
SHAHHANIM YAHYA

# LAMPIRAN A:

## PROTOKOL FGD

| OBJEKTIF | JENIS SOALAN/ PENERANGAN | SOALAN/PERNYATAAN |
|---|---|---|
| Protokol pelaksanaan *Focus Group Discussion (FGD)* | Semasa sesi ini Penyelidik/ Moderator akan memberi penerangan berkaitan:<br><br>a. Pengenalan kepada Team *FGD* (Nama dan Organisasi diwakili)<br><br>b. Penglibatan Sesi *FGD*<br>c. Kandungan Protokol<br>d. *Consent Form*<br>e. Tujuan Sesi *FGD* | a. Pengenalan kepada Team *FGD* (Nama dan Organisasi diwakili)<br><br>b. Satu sesi *FGD* melibatkan:<br>i. Penyelidik/ Moderator<br>ii. Seorang pencatat<br>iii. 10 orang informan maksimum<br>iv. Tempoh masa: 60 – 120 minit (1-2 jam)<br><br>c. Empat objektif kajian yang terkandung dalam protokol adalah seperti berikut:<br>i. Meneroka proses sosialisasi politik dalam kalangan belia di Malaysia;<br>ii. Meneroka pemahaman tentang demokrasi dalam kalangan belia di Malaysia;<br>iii. Meneroka pandangan belia berkaitan sosialisasi politik di Malaysia; dan<br>iv. Meneroka harapan belia berkaitan demokrasi di Malaysia.<br><br>d. Tujuan Sesi *FGD*<br>*FGD* ini bertujuan untuk mengkaji definisi proses penglibatan politik dalam kalangan belia di Malaysia berdasarkan objektif kajian yang telah dibangunkan.<br><br>e. Informan boleh memperkenalkan latar belakang masing-masing:<br>i. Nama: ii. Umur: iii. Pekerjaan: |
| Pengenalan dan Latar belakang kajian | Kajian ini dilaksanakan bagi mengumpulkan data berkaitan sosialisasi politik di Malaysia: | Di Malaysia, belia merupakan antara penyumbang besar kepada kadar pertumbuhan penduduk dalam negara. Pada tahun 2020, belia berumur antara 15 hingga 30 tahun, diunjurkan seramai 9 juta orang atau26.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Justeru, agenda pembangunan belia ini tidak boleh dipandang enteng oleh pelbagai pihak, namun ia perlu dijadikan sebagai peluang dalam membentuk karakter dan kerangka minda belia yang berwibawa bagi menghadapi cabaran dari segi sosial, politik dan ekonomi. Berdasarkan dapatan kajian Indeks Belia Malaysia 2015 hingga 2020, tahap penyertaan belia dalam aktiviti politik adalah sangat rendah. Selain itu, golongan belia juga sangat jarang mengikuti perkembangan politik dan mereka juga jarang berbincang mengenai isu politik. Justeru, wujud keperluan untuk memahami fenomena ini dalam konteks proses sosialisasi politik yang membawa kepada partisipasi politik. |

| OBJEKTIF | JENIS SOALAN/ PENERANGAN | SOALAN/PERNYATAAN |
|---|---|---|
| **Objektif 1:** Meneroka proses sosialisasi politik dalam kalangan belia di Malaysia | *EXPLORATION QUESTIONS*<br><br>Mula dengan soalan terbuka untuk mendapatkan big- picture insight dengan melihat sejauh mana pengetahuan tentang sosialisasi politik. | **MINAT DAN KECENDERUNGAN BERPOLITIK BELIA**<br><br>1. Apakah yang difahami anda mengenai politik?<br>2. Apakah pandangan anda mengenai senario politik semasa negara?<br>3. Adakah anda terlibat/menganggotai mana-mana aktiviti politik atau pertubuhan politik/ persatuan berkaitan politik? (Bagaimana bentuk penglibatan?)<br>4. Apakah faktor (atau siapa) yang mempengaruhi anda berpolitik?<br>5. Bagaimana anda mendapat sumber maklumat mengenai politik ?<br>6. Apakah pandangan anda tentang politik yang berasaskan etnik/ agama? |
| **Objektif 2:** Meneroka pemahaman tentang demokrasi dalam kalangan belia di Malaysia | *FOLLOW-UP QUESTIONS*<br><br>Meneroka topik kajian dengan lebih terperinci dan mendalami pandangan informan berkaitan demokrasi di Malaysia. | **KEFAHAMAN BELIA MENGENAI DEMOKRASI**<br><br>1. Sejauh mana anda mengetahui hak anda sebagai warganegara Malaysia?<br>2. Apakah yang anda faham berkaitan proses demokrasi di Malaysia?<br>3. Apakah pandangan anda mengenai perkembangan demokrasi di Malaysia?<br>4. Apakah yang anda faham mengenai proses pilihan raya?<br>5. Apa pandangan anda berkaitan pelaksanaan UNDI 18?<br>6. Apakah bentuk penglibatan anda dalam aktiviti demokrasi ? (Sejauh mana ada anda terlibat dalam proses demokrasi negara?<br>7. Sejauh mana anda diberi peluang untuk terlibat di dalam proses demokrasi ? |
| **Objektif 3:** Meneroka | *FOLLOW-UP QUESTIONS* | **PANDANGAN BELIA TERHADAP PROSES SOSIALISASI POLITIK** |

# LAMPIRAN B:

## ANALISIS TRANSKRIP TEMUBUAL FGD

## OBJEKTIF 1: PROSES SOSIALISASI POLITIK DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| 1. | Merungkai definisi politik dari sudut pandang belia | Belia mempunyai tafsiran politik mereka sendiri | Antara ciri-ciri negara demokrasi ni, memang adalah pilihan raya kan. Kalau takda pilihan raya ni, tak bermaknalah demokrasi tu kan. Kalau takda PRU, orang tak boleh memilih. Tak boleh memilih **pemimpin. Jadi orang akan jadi macam negara berfungsilah kan.** *So* **sesiapa yang berkuasa, dipilih** oleh rakyat. Jadi kuasa rakyat dalam pilihanraya ini adalah penting **(FGD 1 – Belia)**<br><br>So orang muda sekarangpun ramai sudah pandai menilai, sebab tulah kita ada MUDA, *that's why* kita mudah nak bersuara dekat *twitter and so on* yang buat muda pun lagi kerja buat lagi laju kan, *so* takde masalah dah pun dekat umur remaja tu sebab remaja sekarang pun sangat *advance* **(FGD 12 – Pelaksana)** |
| | | Pandangan mengenai kecenderungan budaya politik | *Yes,* nampak yang *this is not* pasal rakyat lagi dah. Pasal *personal interest*, aaa...macam mana nak pastikan diri sendiri hidup, macam mana...janji aku lompat sini, aku dapat job. Aaa, macam tu lah lebih kurang **(FGD 2- Belia)**<br><br>Bagi saya, ada banyak baik dan buruknya. Antaranya seperti sikap mementingkan kaum mereka sendiri. Contoh kalau nak kerja satu tempat tu, mesti kena jadi kaum diaorang. Antara benda yang negatif. Tapi benda yang positif, kita boleh kenal kemahuan suatu kaum tu, sebab mereka ada kemahuan mereka sendiri. Dan kita boleh tahu macam mana satu kaum itu berfikir mengikut kehendak mereka sendiri lah **(FGD 1 – Belia)**<br><br>Aah pandangan saya lah kalau kita ikut kaum, ikut parti, saya rasa kalau ikut kaum, saya rasa Melayu boleh, boleh, boleh menang kalau ikut aah apa tadi ikut bangsa lah, pandangan saya sebab ada parti Melayu, parti Cina, parti India lah. Tapi, kalau sebab sekarang kita duk negara yang demokrasi kita tak boleh nak amalkan apa tu parti ikut kaum. Nanti jadi apa tu rasis lah. Jadi saya rasa aah pandangan saya tak elok lah saya rasa kalau ikut apa tu bangsa lah. Itu pandangan saya **(FGD 11 – Pelaksana)** |
| | | Pandangan mengenai parti politik | Dia dalam 5 tahun kebelakangan ni mungkin orang tua, tapi sejak-sejak 5 tahun ke depan ni, dia lebih hantar orang-orang dia?.. Untuk apa? Untuk tarik belia-belia ni untuk mengundi. Sebab kebanyakan sekarang ni memang golongan belia lagi ramai **(FGD 15 – Pelaksana)**<br><br>Aaa, sekarang pun kita dah ada parti MUDA, *which is*, dia ada *pros and cons*. Maksudnya *pros and cons* tu aaa untuk buat parti politik lain, *especially the government* aaa mendengar suara anak muda macam maksudnya suara anak-anak muda tu ada **(FGD 2- Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Politik adalah berkaitan kepimpinan | Pada pandangan saya, politik ini adalah sesuatu, bila kita sebut tentang politik, saya akan teringat tentang, saya akan fikir politik ini adalah satu kekuasaan dan kepimpinan **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Mewakili suara rakyat yang mana ...aaaa ... kita tidak boleh, kita ada banyak rakyat. Jadi kita tak boleh nak suarakan satu-satu. Jadi sebagai wakil lah daripada *bottom* tu, *bottom* ... aaaa .... ni daripada *top* daripada *bottom* tu la, daripada bawah naik ke atas disuarakan dan diketengahkan **(FGD 9 – Pelaksana)** |
| | | Politik adalah berkaitan tadbir urus | Politik bagi pandangan saya, ia adalah satu pekerjaan di Malaysia sebenarnya dan ada satu pekerjaan dimana individu-individu ini menguruskan kuasa-kuasa pentadbiran negara. Khususnya, kita ada tiga pentadbiran. Individu yang menjadi satu, orang yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat untuk menguruskan negara dan diharapkan sebetulnya kearah itulah **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Pemahaman dari sudut anak muda or belia bagi saya ramai yang tidak memahami politik *is about decision making is about administration is about policy is about good goverment* dalam satu urus tadbir. Jadi bagi sesetengah muda di negara kita apa yang mereka faham mengenai politik adalah pergaduhan, perbalahan jawatan-jawatan parlimen kepartian berpuak-puak **(FGD 3 - Belia)** |
| | | Politik adalah imej negara | Okay, mmm bagi saya .... aaaa... politik adalah satu kestabilan ... aaaa... sesebuah negara perlu, perlukan kestabilan dan politik negara dimana taburan daripada ... aaa.... negara lokal boleh datang ke *Malaysia because one we also speaker stable then only* ... aaa... pelabur, *investor* diorang datang ke Malaysia untuk nak melabur. *So for me, political is a really .... to one* sesebuah negara and then untuk aaaa bagi mengekalkan politik yang stabil, semua peringkat perlu memberi kerjasama agar kita menunjukkan bahawa kita dari segi keselamatan, dari segi kesihatan, dari segipendidikan kita adalah kukuh dan stabil dan *only aaa we will sure that we are aaaa in worlwidelevel*, kita *stable* **(FGD 9- Pelaksana)**<br><br>*At the end of the day* politik adalah tempat dimana kita untuk mencari kemajuan didalam negara, masyarakat dan seluruhnya **(FGD 3 – Belia)** |
| | | Politik adalah satu proses gerak kerja harian | Bagi saya politik ni dia wujud dalam semua aspek sama ada di tempat kerja, di sekolah, ataupun di rumah sekalipun. Wujud dan dan hinggalah ke tahap yang besar...di peringkat negara lah. Sebab apa...sebagai contoh kalau kat rumah kan...bila kita ada masalah pun...kita dah wujud politik...dah ada pilihan... **(FGD 7 – Belia)**<br><br>sebab kalau kita tengok budak muda zaman sekarang ini biasanya tahu siapa yang bertanding dan pergi mengundi lepas itu balik. Apabila kita tanya pasal politik, apa yang terjadi pada negara, dia tidak tahu. Apa yang dia hendak tahu seperti skandal, siapa masuk mahkamah itu sahaja **(FGD 3 - Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| 2. | Mengenali agen sosialisasi politik belia | Guru mendidik minat semasa pembelajaran | Cikgu pengajian Am.. Cikgu berani cakap yang betul... cakap yang betul dan suruh fikir sendiri yang betul **(FGD 8 – Belia)**<br><br>Tapi kalau *any platform* yang saya tahu tentang politik ialah melalui *knowledge* atau *education*. Pelajaran di universiti, di sekolah **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Kalau saya, guru sejarah je tuan. Ada guru sejarah selalu bercerita pasal politik di sekolah dulu. Jadi memang kalau dia mengajar dalam bab-bab politik jugaklah tuan, dia mengajar tu **(FGD 11 - Pelaksana)** |
| | | Ibu bapa dan keluarga berbual mengenai isu semasa politik dan negara | Belia ni mudah dipengaruhi oleh kawan-kawan dan ibubapa sahaja sebab kebanyakan yang saya dapat melihat aah belia ataupun orang yang muda seperi pendaftar-pendaftar baru, dia lebih cenderung untuk memilih politik yang ibubapa mereka memilih kerana telah dimomokkan bahawa politik itu sahaja atau parti itu sahaja yang betul **(FGD 11 - Pelaksana)**<br><br>Pengundi muda ikut sahaja apa yang di suruh oleh ibu bapa atau rakan sebaya **(FGD 8 – Belia)** |
| | | Rakan sekeliling berbual dan berbincang mengenai isu semasa politik dan kenegaraan | Saya rasa apa ni, aah ia selepas sekolah, saya rasa diorang golongan 18 ni macam, diorang kan ada berpuak-puak, jadi dorang takut nanti undi dorang akan ikut apa tadi, ikut kawan nanti, ikut kawan, lepas tu ikut apa tu aah *family*.... Sebab bukan apa tu, *Form 5* ni, budak lepasan sekolah Menengah. Dia macam ada sifat apa tu, geng, ikut geng, geng, geng. **(FGD 11 – Pelaksana)**<br><br>Haha, *so* berbincang sesama rakan jelah **(FGD 6 – Belia)** |
| | | Pengaruh pemimpin sedia ada menarik minat belia | Dia kena ada, leader yang boleh pengaruh belia, yang boleh, apa tu, yang boleh mencetuskan minat dalam diri kita... So far untuk tu rasanya Syed Saddiq je lah kan **(FGD 6 – Belia)**<br><br>Kalau tanya siapa yang mengalakkan sebenarnya saya sendiri. Tidak ada yang mengalakkan Cuma bila saya menghampiri mentor-mentor politik saya yang amat-amat bagus, sikap-sikap yang baik saya jadi tertarik dari segi keperibadian dia dan dari segi cara dia berpolitik. Jadi saya sebenarnya tertarik dengan mentor-mentor saya. Banyak mentor-mentor saya dalam politik ini rakan-rakan seperjuangan saya **(FGD 3 – Belia)** |
| | | Media sosial memaparkan banyak maklumat berkaitan isu politik dan kenegaraan | Jadi, pada saya begitulah saya sependapat juga dengan Ira sama ada setuju dan juga tidak setuju sebab undi 18 ni pada sebagai seorang belia yang pada waktu umur 18 tahun pun hanya terpegun terpengaruh dengan orang dari media social. Dia kan jadi kelebihan kepada pendominasi politik, orang-orang yang terlibat dengan dunia politik untuk memonopoli pemikiranbelia kita sebab dia tidak tersedia dengan kefahaman politik yang sebenar **(FGD 4 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Pengaruh aktiviti berpolitik | Walaupun saya macam..ooo..saya dengar-dengar macam gitu je la kan, diorang dah join parti ni, diorang dah join parti ni..Itu kalau jadi sumber kewangan kau, ok, pergi la **(FGD 15 – Pelaksana)**<br><br>Mungkin ada jugak boleh saya katakan orang yang...komuniti saya lah...*which is* yang duduk sekampung dengan saya yang banyak bagi peluang...maksudnya join pertubuhan ni, join pertubuhan ni, ikut ni ikut ni. Jadi... errr...orang-orang yang macam ni lah yang banyak bagi ni **(FGD 7 – Belia)**<br><br>Kalau untuk saya, ibu saya lah, sebab ibu saya bergiat dalam politik dan impak yang paling besar untuk saya, media sosial lah. bagi kita terdedah,banyak rahsia yang kita tau daripada sosial media. Itu yang buat saya berminat **(FGD 1 – Belia)** |
| 3. | | Isu kebolehpekerjaan belia | Contohnya, dia menambahkan peluang perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil. Dia menyediakan tempat-tempat rehat bagi *rider-rider*, *foodpanda,* aaa dia macam itulah, kemudahan yang dia bagi. Bagi belia ni, nampak macam benda tu sangat besarlah, kebaikan dia tu sangat besarlah sebab dia memudahkan kerja anak-anak muda kan **(FGD 2 - Belia)**<br><br>Sebab kebanyakan student, dia nak sambung belajar...err...ramai student dia tak boleh...dia nak mohon untuk PTPTN dah sekarang. Kalau dapatpun, dia takkan dapat banyak **(FGD 7 – Belia)** |
| | | Kemudahan untuk aktiviti belia | Saya rasa boleh..saya rasa boleh...emm..mengadakan satu persatuanlah untuk berinteraksi dengan pemimpin lain **(FGD 7 – Belia)**<br><br>Gelanggang pelbagai guna...sebagai contohlah....Nazri boleh katakan...macam kita ada futsal..yang majlis daerah punya pun... Bila dah masa-masa gini, renovate berbulan-bulan tak siap- siap lagi... Padang pun.... **(FGD 7 – Belia)** |
| | | Mengenal pasti platform belia berkongsi pandangan | Saya mengikuti perkembangan tetapi pengalaman di media sosial saya, disitu tidak boleh percaya bulat-bulat bahawa media sosial dia ada bias parti tertentu. Jadi, kita perlukan something yang boleh menyebabkan kita mengetahui politik manakah ataupun perkara apakah yang betul yang dikatakan di media sosial itu **(FGD 11 – Pelaksana)**<br><br>Kalau daripada twitter tu...err...dia punya possibility tu untuk orang yang kita nak sampaikan satu perkara tu... err...possibility tu sangat rendahlah untuk orang tu terlepas pandang apa yang kita nak sampaikan...apa yang kita nak luahkan **(FGD 7 – Belia)**<br><br>Maknanya apa yang saya dapat tentang maklumat-maklumat politik saya akan follow facebook, instagram ataupun twitter yang rasmi daripada parti politik dengan semua saya akan follow sebab dari situ kita tahu atau cakna. Sebab kita tak tahu kadang-kadang kenyataan keluar daripada akhbar itu betul atau tidak sebab kita nak semak balik betul atau tidak kita kena lihat pada laman rasmi mereka itu sendiri **(FGD 4 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Ruang dan perkongsian berkaitan politik | Politik pada masa sekarang ini memerlukan kekuatan kuasa itu sendiri tetapi sekarang belia telah diberi mandat terutamanya semasa PRN Melaka dan Johor baru-baru ini, belia diketengahkan untuk bersama-sama menerajui sesebuah negeri itu sendiri bahkan belia juga diberi mandat untuk menerajui Exco-exco bagi merancakkan pembangunan sesebuah kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat itu sendiri. Undi untuk orang muda bukanlah satu pilihan tetapi ianya satu tanggungjawab yang dipikul bahu mereka untuk diketengahkan usaha-usaha yang baru serta berkesan untuk kesinambungan masyarakat meraih keharmonian dan perpaduan dikalangan masyarakat itu sendiri **(FGD 10 – Pelaksana)**<br><br>Cuma itulah ruang dan peluang memang ada untuk orang muda. Tiada masalah dan tiada halangan untuk anak muda belia sertai atau terlibat dalam dalam politik bahkan diangkat menjadi pemimpin dan diangkat menjadi Menteri Besar pun. Kita ada Menteri Besar Johor yang baru tu daripada belia **(FGD 4 – Belia)** |
| 4. | Faktor belia tidak terlibat dengan politik | Belia tidak dipedulikan | Sejauhmana di dengar? Macam tak dengar je. Idea-idea tu tak ke mana. Tapi kita nampak program untuk belia tu ada, macam IKBN tu, tapi ada juga belia yang tercicir. Sepatutnya ia lebih ke bawah, program yang kita nak buat tu patut lebih kebawah patut tak belaku **(FGD 1 - Belia)**<br><br>Contohnya sebelum ini kita ada AUKU, dimana yang menglimitasikan penglibatan mahasiswa, penglibatan anak muda dalam politik terutamanya aktivitisme mahasiswa berorganisasi dan sebagainya. Jadi, ini dibawah pemerintahan UMNO dimana saya rasa polisi dan dasar seperti ini yang sebenarnya menglimitasikan kefahaman mereka terhadap hak mereka sebagai warganegara. Jadi mereka merasakan tidak ada kepentingan, ibu bapa juga sudah mula merasakan janganlah mereka boleh ditangkap polis dan sebagainya. Itu yang menyebabkan mahasiswa semakin lama semakin sepi sedangkan pada zaman 90 an terdahulu, Anwar Ibrahim antara aktivist mahasiswa yang sangat terkenal terlibat dalam protes baling dan sebagainya. Jadi, pada waktu itu beliau mengangkat suara rakyat. Itu memang tugas mahasiswa, tugas belia, tugas anak muda. Tetapi dasar dan polisi seperti itu telah menglimitasikan kefahaman mereka tentang hak mereka sebagai warganegara dan peranan mereka. dan tidak boleh dibuat tetapi sekarang pun AUKU juga dibekukan dan sebagainya **(FGD 10- Pelaksana)** |
| | | Karenah ahli politik yang mementingkan diri dan tidak bertanggungjawab | Saya pun rasa semua hal ni sama haa, cakap besar tapi buat sikit ataupun langsung tak buat. Macam tak effect kehidupan saya, so saya rasa semua parti in sapa sapa pemimpin pun sama punya rata-rata **(FGD 12 - Pelaksana)**<br><br>Let say lah, YB, benda tu kita dah sampaikan tapi dia tidak laksanakan **(FGD 6 - Belia)**<br><br>Disebabkan budaya politik yang dulu-dulu ni, orang-orang lama ni, kroni-kroni lama ni, menyebabkan benda-benda buruk yang banyak yang kita tengok, anak muda tengok tak suka. Menyebabkan hilang minat kita, sebab tu dikalangan informan kita sekarang ni pun ada yang tak suka politik, yang tidak minat politik dan mungkin tak pernah terlibat pun dengan politik. Jadi, disebabkan hanya secebis mereka ni, segolongan, segelintir daripada mereka ni menyebabkan pandangan politik dikalangan remaja, dikalangan anak-anak muda ni terus rosak, menyebabkan hilang minat terus. Jadi, bila kita pilihan raya sekali pun, budak-budak ni akan just pangkah sahaja yang mana tak kira dah, Dia main pangkah sahaja. Jadi, tidak ada effective, tidak effective dia punya PRU tu. Jadi, kita pilih sekadar pilih. Itu yang kita risaukan. Jadi kalau boleh penglibatan anak muda ni memang perlu supaya kita boleh ubah budaya yang lama, budaya yang tidak elok, kita ubah dengan baru. Sebab generasi muda ni perlu diberi peluang kerana kita lah pelapis masa depan **(FGD 11 - Pelaksana)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Politik mencemarkan imej negara | Kalau di tanya saya nak libatkan diri atau tidak dalam politik bila ada peluang atau tidak nanti, saya tak nak terlibat dalam politik sebab saya lihat politik Malaysia adalah budaya politik yang tidak bagus. Ia seperti tidak stabil lagi dan kita perlu lakukan sesuatu dengan politik Malaysia. Ia stabil tetapi ada sesuatu yang tidak kena bila berubah, selepas itu dia akan jadi berubah semula. Sama je di mana-mana negara di dunia ini. Tak kisah lah di Amerika ke, di Thailand atau dimana pun, ia memang salah satu bidang yang saya akan cuba untuk elakkan **(FGD 4 - Belia)** |
| | | Sebab tidak berpersatuan dan menyertai aktiviti berkaitan politik | Translate, macam kawan Saya tidak berminat dalam politik **(FGD 8 – Belia)**<br><br>Tapi terhad aaa. Kita tak boleh nak spend sangat masa dengan orang luar, lepas tu anak-anak masih perlukan kita **(FGD 2 – Belia**)<br><br>Ifah tak suka...maksudnya Ifah tak mampu nak berikan komitmen. Aaaa, untuk masuk persatuan apa semua kan perlukan komitmen aaaa aktif aaa...Ifah tak mampu **(FGD 2 – Belia**) |

## OBJEKTIF 2: PEMAHAMAN TENTANG DEMOKRASI DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengetahuan belia tentang demokrasi dan kenegaraan | Ada platform politik untuk belia | Jadi, saya rasa parlimen belia tu is a good platform untuk anak-anak muda yang...yang baru atau pun yang dah, nak mempraktikkan dasar **(FGD 2 – Belia)**<br>Parlimen belia tu kena jadi salah satu platform juga, undi 18, dewan muda Malaysia, itu semua platform yang perlu ada untuk anak-anak muda **(FGD 2 -B Belia)** |
| | | Kefahaman belia berkaitan tadbir urus | Cabaran untuk kita lah, nak memikirkan bagaimana itu kan. Okay baik, apa ini itu berkaitan dengan rukun negara, soalan berkaitan dengan sejauh mana belia melihat perkembangan demokrasi belia ini **(FGD 16 – Pelaksana)**<br>Tapi bagi saya kena lebihkan sikitlah untuk bumiputera tu, keistimewaan **(FGD 2 – Belia)** |
| | | Kefahaman berkenaan demokrasi | Emm...Nazri boleh katakan sebab kita di peringkat belia ni, kalau secara majoriti lah...secara keseluruhannya... kalau bila sebut tentang demokrasi... memang kita lebih kepada mengundi, kan. Tapi kalau terlibat dalam demokrasi tu...memang dah dikhaskan kepada yang 222 Ahli Parlimen ni...dipilih oleh rakyat tadi itulah...untuk menjalankan fungsi di Parlimen (**FGD 7 – Belia)**<br>Sesuatu, satu pemerintahan yang digubal oleh undang – undang (**FGD 6 – Belia)**<br>Emm macam yang Syazatul cakap tadi Malaysia ni mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan **(FGD 5 - Belia)** |
| | | Kesan ketidakstabilan politik kepada negara | Apa yang berlaku semasa emergency tu, dia memberi kesan yang kita nampak harini, macam inflasi negara, barang barang semua meningkat dan juga dia menyebabkan kestabilan politik kita tu mamang jelas tidak stabil dan itu memang jelas dan kita nampak, sebab itulah rang undang undang untuk mengelakkan daripada wakil rakyat tu meminda apa parti politik mereka macam suatu benda yang besar lah harap harapnya boleh diluluskan di parlimen **(FGD 13 – Pelaksana)**<br><br>Saya tengok itu...dia kesan lebih banyak kepada itu...ekonomi lah... Sebab itu, Russia itu banyak dia keluar itu... gas **(FGD 7 – Belia)** |
| | | Pandangan terhadap belia masa kini | Macam contohnya macam dia sendiri tanya kalau saya..kalau kita undi politician tu, dapat duit berapa? Diorang direct terus tanya pasal duit. Macam diorang macam diorang tak fikir panjang, diorang terus fikir pasal duit. Maksudnya, kau undi untuk apa sebenarnya... Bukan undi untuk tolong negara ke apa bukan, diorang terus nak duit. Bagi diorang itu je terus, lepas tu dah (**FGD 15 – Pelaksana)**<br><br>Kita kat Malaysia dan Kota Tinggi ni lah khususnya dah mula ke arah perubahan itu untuk menerima golongan belia untuk terlibat dalam apa jua....sama ada terlibat dalam NGO...terlibat dalam parti ataupun rumah-rumah sukan...persatuan-persatuan sukan ataupun...even dalam parti politik sendiri pun sudah banyak peluang mula diberikan kepada golongan belia...cuma dari aspek...macam mana dia nak tarik tu kurang. Aa...maksudnya, dia memilihlah..bukan kroni...tapi maksudnya...aa.....tak semua orang tahu tentang kewujudan peluang-peluang itu kepada belia **(FGD 7 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Pengetahuan belia berkaitan amalan demokrasi | Bagi saya, proses demokrasi ini bermula dengan PRU lah... dan kita ada 2 jenis PRU umum, dan pilihan raya kecil **(FGD 1 – Belia**)<br><br>Kalau dulu, kalau kita tengok mungkin dalam PRU 12, PRU 13 bila...when it's come to PRU, dia akan...semua negeri dan parlimen tu, adun dan parlimen akan...akan lalu proses undian yang sama. Tapi, lepas ni dia dah tak jadi sama. Lepas ni kalau dah PRU, kita kena faham PRU lepas ni adun dekat Johor, dia dah tak dah. Dia dah tak pilihan raya dah **(FGD 2 – Belia)**<br><br>Ahhh demokrasi di Malaysia hmm mempunyai satu... yang membolehkan... kerajaan melalui pilihan raya yang bebas dan adil. Lepastuh, menyertai aktif orang ramai sebagai warnegara di politik dan kehidupan yang...lepastu melindungkan hak asasi aaa rakyat Malaysia. Ammm lagi satu, aaa undang-undang yang mana prosedur digunakan sama rata kepada semua bangsa rakyat, yang tu lah **(FGD 9 – Pelaksana)** |
| | | Pengetahuan tentang hak warga Malaysia | Hak ini berlandaskan aaaa perlembagaan Malaysia bagi saya. Aaaa kita apa-apapun kita berlandaskan aaa perlembagaan. The things hak aaa sebagai voting ke, sebagai Malaysian ke, perlu tahu apa adakah kita ada pengetahuan asas tentang hak tu apa dia. Sebagai aaa citizens wargnegara Malaysia, we have to know though the manage hah yang tu. Lepastu macammana dari segi undi tu lah and sebenarnya kita tak boleh la bukan sekadar kita undi ni kot certain-certain parti tu bukan ikut link, dia bukan sekadar mengikut rakan serta politik, itu adalah hak kita. Kita tak boleh ikut rakan, kita tak boleh ikut. Ataupun kita telah di macam ikut aaa undi ikut amount kita perlu fikir apa hak kita dan perlu tahu knowledge tu kena ada sebelum kita nak buat apa-apa. Itu adalah according to the perlembagaan tu yang kita nak **(FGD 9 – Pelaksana**)<br><br>Kita hak bersuara, hak di beri Pendidikan. Hak kewarganegaraan tu, Kalau di sabah sarawak tu, mereka berhak mendapat identiti. Macam di Sabah tu, banyak ada kawan saya, Lahir di sana, mak bapak orang bumi asal sana, takda identity **(FGD 1 – Belia)**<br>Hak asasi manusia..aaa... untuk ni lah menjalankan kehidupan seharian tanpa ada pengawasan ...aaa... maksudnya kita nak pergi mana-mana kita boleh pergi dalam Malaysia ini, keluar negara pun just apply passport sahaja taka da tentangan tak ada hak diskriminasi **(FGD 14 – Pelaksana)** |
| | | Pengetahuan tentang UNDI 18 | Ahh untuk pandangan saya untuk undi18 ni in terms of kita nak gain lebih pengundi aaa satu aaa apa usaha yang baguslah untuk nak gain undi lebihlah **(FGD 12 – Pelaksana**)<br><br>Undi 18 ni memang satu usaha yang bagus, macam yang Amirul katakan tadi dia satu direct way untuk dapatkan voting yang lebih lah, tapi pada pendapat saya Undi18 ni lebih efektif kalau kita pastikan aa belia yang berumur 18 tahun diberi satu platform untuk mengetahui lebih dan memahami aaa politik negara kita dahulu sebelum diberi peluang untuk mengundilah. Kalau tak, undian mereka bagaikan undian yang buta lah, dia akan ikut manifesto semata-mata **(FGD 12 – Pelaksana)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| 2. | Perspektif belia terhadap demokrasi | Kefahaman mengenai proses demokrasi di Malaysia | Saya rasa situasi demokrasi di Malaysia, dia adalah demokrasi ‘in between’, dia tak directly demokrasi. Kita amalkan lagi demokrasi tapi starting tu dia macam, seperti yang lepas-lepas dua tiga ke 5 tahun yang lepas yang sebelum ini, dah nampak dah Malaysia nak ke arah yang memang untuk, rakyat dah mampu bersuarakan pendapat mereka. Demokrasi di Malaysia bagi saya, walaupun Malaysia kata Malaysia adalah demokrasi tetapi masih ada lagi kuasa-kuasa besar yang mengawal pentadbiran Malaysia. Kita sebagai rakyat hanya mampu untuk mengundi dan kemudian hasilnya dari segi pentadbiran, undang-undang, atau untuk penggubalan undang-undang, semua akan balik kepada pemimpin semula. Demokrasi itu bagus, masih ok lagi demokrasi di Malaysia ini kerana kalau tak ada demokrasi, kita akan jadi macam negara Thailand. Negara Thailand pun ada krisis dalam negara. Ya, saya rasa kita kea rah tak sepenuhnya demokrasi, tapi kita boleh gunakan demokrasi itu ke untuk ke arah keamanan negara. Untuk dapat kawal sedikit rakyat di negara tapi dalam sudut positif rakyat itu masih lagi mampu untuk memilih (**FGD 4 – Belia)**<br><br>Kita tak memilih presiden tetapi kita memilih...arr...parti politik ataupun memilih...wakil-wakil di Parlimen masing-masing kan. Dari satu sudut, ya...dia nampak menarik tetapi dari satu sudut yang lain, ia memberi satu definisi yang baru lah...apa yang berlaku pada Mac 2020 itu memberi satu definisi baru kepada Perlembagaan di mana kita boleh tafsirkan bahawa Perdana Menteri itu boleh berubah bila-bila masa as long as masih dalam kalangan 220 Ahli Parlimen. Nazri boleh katakan...ini sebenarnya satu...kekuranganlah...kat dalam Perlembagaan Malaysia di mana Ahli Parlimen itu boleh melompat, boleh bertukar-tukar parti. Hari ini dia Perdana Menteri...esok tukar pulak Perdana Menteri. Jadi benda ni...saya macam mencacatkan demokrasi negara lah **(FGD 7 – Belia)** |
| | | Pandangan terhadap amalan demokrasi | Tapi, apabila sepanjang penaklukan mereka sudah pasti orang yang berlainan pun yang akan pegang politik itu berlainan, so pasti setiap orang tu punya matlamat masing-masing walaupun parti itu diasaskan, dia ada piagam ataupun dia punya matlamat sendiri. Tapi disebabkakan seseorang dalam kumpulan atau dalam parti itu yang membuat niat mereka tersendiri dia akan jadi lain. Jadi, saya rasa itu semua bergantung kepada sifat individu yang pegang politik pada masa itu. Jadi, itu menyebabkan parti itu boleh lari daripada landasan yang patut mereka ada **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Kita mengharapkan bahawa pemerintah akan datang ini memberi peluang yang leih besar untuk orang muda terlibat dalam politik, untuk menguruskan organisasi sendiri. Nazri boleh katakan apabila Nazri berada sebagai mahasiswa di peringkat universiti, banyak perkara yang kita nak buat itu terbatas. Sebab....aaa....kan...banyak dihalang oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti yang telah menyebabkan karenah birokrasi itu semakin tinggi dan menyebabkan pelbagai masalah belia ini...maksudnya masalah-masalah di peringkat kolej, masalah di peringkat universiti, banyak tangga-tangga yang kena lalu..nak kena lalu HEP lah apa semua kan. Jadi Nazri mengharapkan Akta AUKU tu sama ada dihapuskan ataupun digantikan dengan akta yang baru ataupun pindalah supaya lebih banyak kelonggaran kepada golongan mahasiswa **(FGD 7 – Belia)**<br><br>Tapi, kita Malaysia ni still in proses dalam transition nak tukar. Maksudnya nak biasakan mendengar suara anak muda **(FGD 2 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Proses demokrasi di Malaysia tersekat | Yang mana harini pun, dalam Parlimen still duk lompat parti lagikan. Kita pun tak tau mane yang betul sekarang ni. Macamane amalan demokrasi negara sekarang ini. Tapi betullah macam saudara Zaim cakap tadi, apabila berlaku secara drastic, satu amalan yang...tapi apa-apapun pandangan saya,tetap utamakan rakyat (FGD 1 – Belia)<br><br>I think today is aaa...demokrasi kat Malaysia, kita tak fully praktikalkan sangat sebab dia....aaaa...mmm... disebabkan banyak reallignment dalam penjajaran parti politik tu kan? So, bila banyak sangat tukar tu dia dah jadikan...dicabulilah demokrasi tu (FGD 2 – Belia)<br><br>Tapi sebenarnya kat Malaysia, aaa dia tak berapa harmoni sangat demokrasinya, tak berapa nak harmoni lah, memang senang cerita tak harmonilah, memang aahh, baling tok sampah balik lagi kita semua setuju kan? Which is aaa nak kata hak memilih pun aaa macam right now pun aaa kerajaan masuk pintu belakang, takde dah, hilang hak tu, bersuara pun kita kena kecam, kita kena saman, so benda tu pun takde, so memilih ke bersuara ke, basically semua tu dah takde aa macam hak Malaysia rakyat Malaysia akan terima je, so nak kata demokrasi tu takde da. Memang aaa reality itu atas kertas sekarang ni. Sekarang ni siapa yang dapat kuasa diala rulw, ahh kita kena terima follow je **(FGD 12 – Pelaksana)** |
| | | Sikap belia terhadap demokrasi | Belia sendiri kena pandai buat keputusan la... Hmm..Rendah dan juga kurang pendedahan Buat demonstrasi macam memekik-mekik, jadi macam benda tu yang menampakkan you macam tak educated. Haa..Dia macam..Benda tu yang macam mencerminkan diri you. Supposedly kalau you betul-betul pandai, you settle kan benda tu dalam keadaan yang macam better la. Tapi kalau macam cara yang proper tu lambat, mungkin cara yang demonstrasi tu lagi cepat. So yang golongan belia ni akan memilih short cut la daripada long cut **(FGD 15 - Pelaksana)** |

## OBJEKTIF 3: PANDANGAN BELIA BERKAITAN PROSES SOSIALISASI POLITIK DI MALAYSIA

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| 1. | Perspektif belia terhadap senario politik | Isu situasi politik semasa | Saya rasa sekarang politik kelam kabut la. So, yang tadi Karon cakap aa banyak pemimpin macam lompat dari satu parti ke satu parti kan? Saya rasa macam bagus ambil tindakan yang untuk mencegah yang aaa kejadian ini. So, aa saya rasa macam .... ini masalah, macam aaa tak baguslah dan macam aaa jadi itu politik pun .... ekonomi pun tak, tak okay macam tu, so saya rasa itu pihak pemimpin pun lebih mementingkan manfaat diri sendiri lebih banyak dari aaa rakyat dan negara **(FGD 12 - Pelaksana)**<br><br>Mengikut pada situasi sekarang pandangan saya apa yang saya nampak politi adalah pengaruh wang. Lebih kepada pengaruh lebih kepada wang itu yang saya nampak. Zaman apa pengaruh paling kuat. Dan sepatutnya apa yang kita perlu buat pada zaman sekarang, kita balik kepada norma, apa wujudnya politk **(FGD 3 - Belia)**<br><br>Apa yang berlaku semasa emergency tu, dia memberi kesan yang kita nampak harini, macam inflasi negara, barang barang semua meningkat dan juga dia menyebabkan kestabilan politik kita tu mamang jelas tidak stabil dan itu memang jelas dan kita nampak, sebab itulah rang undang undang untuk mengelakkan daripada wakil rakyat tu meminda apa parti politik mereka macam suatu benda yang besar lah harap harapnya boleh diluluskan di parlimen **(FGD 13 - Pelaksana)** |
| | | Pandangan kepada ahli politik | Kalau sebelum ni, dia more kepada bukan kepada wakil, bukan pada etnik aaa..bukan kepada race or what ever. Tapi, kepada kepentingan sendiri. Kalau aaa kalau kita tengok sebelum ini pun aaa isu sebelum ni mmm ok banyak kan ahli-ahli politik yang lompat-lompat? Jadi? Kat situ pun kita dah nampak. It is not about rakyat anymore. It is about personal interest **(FGD 2 - Belia)**<br><br>Saya rasa kerajaan sekarang ini banyak kurang intergriti. Kurang intergriti. Sebab kita boleh lihat dalam berita, yang ahli politik ini,itu, tidak kisah parti politik, banyak kes rasuah, kurang amanah. Perdana menteri dan bekas perdana menteri terlinat banyak dalam kes-kes begini. Maka disebabkan ini belia rasa tidak puas hati. Situasi sekarang kena ubah **(FGD 8 – Belia)**<br>Hmm..rendah dan juga kurang pendedahan. Pihak... kalau time nak PRU PRN je yang diorang masuk kampung, bagi-bagi apa ni **(FGD 15 – Pelaksana**) |
| | | Pandangan terhadap pilihan raya | Jadi, Nazri akan tengok sentimen-sentimen macam ni lah berbanding kita tetap teguh pada satu parti saja itu...tidaklah. Nazri akan ikut...apa...orang kata...macam mana media social kan sebagai contoh... media social mengatakan kita kena sokong parti ni, tapi bukan bermaksud Nazri kena ikut apa yang arus media social itu kata, tetapi sekurang-kurangnya itu akan menambah input kepada pilihan Nazri nantilah **(FGD 7 – Belia)**<br><br>Tapi suasana tu meriah, bagi saya, saya suka lah. Sebab malam-malam mesti dia ada macam ayah saya dia selalu pergi pondok parti untuk makan-makan sikit. Bila dah nak dekat pilihanraya mereka mesti ada buat macam itu, jadi saya suka ikut ayah saya kadang-kadang pergi pondok atau markas parti mereka. Mereka bukan buat apa pun, bukan ada ceramah parti mereka pun tetapi dia macam sekadar duduk borak-borak. Bagi saya seronok la benda tu **(FGD 4 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | | Jadi, menyatakan saya punya bacaan di media sosial tu kebanyakannya saya rasa aah kita punya politik pon agak parah lah saya rasa, sebab kalau ikutkan yang meme aah yang menjadi wakil sekarang pon kebanyakan semua yang telah pun dikatakan berada diumur pencen tu pada umur tu saya rasa sebaiknya dorang aah tak perlu kot. Bagi yang lebih layak dan lebih sihat **(FGD 11 – Pelaksana)** |
| | | Pandangan terhadap senario politik semasa | Untuk scenario politik semasa sekarang, susah nak cakap sebab banyak sangat di media tunjuk posisi atau view yang tak berapa nak cantik sangat. Dari segi media la **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Bagi saya yang itu membuatkan belia ni tak percaya langsung dengan orang dekat atas tu..haa..Sebab apa, bila kau menang dengan parti ni, then engkau lompat pergi ke parti yang menang, bila kau kalah dengan parti ni, kau lompat pergi ke parti yang menang. Apa pendirian kau sebenarnya? (**FGD 15 – Pelaksana)**<br><br>Kalau pada saya, politik hari ini apabila dah banyak sangat berlaku reallignment atau pun penjajaran semula ni kan, dia telah menyebabkan banyak ideologi parti politik ni dia hanya berfokuskan kepada demografi **(FGD 2 – Belia)** |
| 2. | Membina proses literasi politik melalui UNDI 18 | Pendedahan kepada UNDI 18 | Dan saya amat yakin, bila undi 18 tu dilaksanakan pasti banyak parti-parti macam UMNO atau pun DAP, lepas ni dia orang akan turunkan had kepartian mungkin dah umur 16 tahun dan kalau.....soalan tadi macam, soalan tadi wajar tak undi 18 kan? Kalau pendapat saya sendiri aaa kematangan itu kita tak boleh ukur dengar umur (FGD 2 – Belia)<br><br>Patut umur 18 tahun mengundi, bagi saya boleh. Sebab kita boleh je bagi pendedahan. Sebenarnya banyak, kita terdedah dengan sosial media ni, kita boleh dapat banyak info, pengetahuan, kita boleh menilai mana baik buruk, cikgu -cikgu pun ada, keluarga pun boleh habaq, cerita. So bagi saya tiada masalah untuk 18 tahun tu. Masalah dia, kita tengok kekecewaan dia tu, masalah yang kita jumpa bagi kita buat keputusan tu **(FGD 1 – Belia)**<br><br>Hmmm kalau saya, undi18 ni dia sebab nama pun 18, so dia melibatkan remaja, macam ahmmm for me that is good exposure dan dia pendedahan dan satu push, push la untuk belia, untuk mengundi pada umur awal, awal lagilah 18. Tapi kalau macam ikutkan perbahasan dalam undi18 ni, macam ramia cakap yang 18 ni usia baru nak matang aa macam tu la kan? Sebab baru nak matang, so macam pandai ke nak memilih? Tapi kalau ikutkan orang tua kita pun tak pandai memilih juga. So, dia macam tak ikut umur, dia macam ikut kalau kau exposure as much dengan politik, and .... dengan baik, kau akan undi dengan baiklah **(FGD 12 - Pelaksana)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Sebab tidak menyokong UNDI 18 | Kerana remaja tak mendapat pendedahan yang perlu untuk mengundi tentang aa kerajaan yang akan memerintah. Jadi mereka kemungkinan akan membuat pemerintahan yang salah ataupun mereka tidak akan mengambil kisah langsung tentang pilihan raya ini. Mungkin mereka takkan pergi mengundi ke ataupun mereka hanya akan menganggap iyanya hanya benda remeh, remeh temeh. Jadi mereka hanya akan mengundi mengikut apa yang mereka rasa aa yang betul. Sebab, remaja ni tak semua mempunyai pandangan yang matang dan pandangan yang luas tentang politik **(FGD 5 – Belia)**<br><br>Dia memang benarkan 18 tahun mengundi, tapi cara untuk mematangkan 18 tahun tu, kita tak berapa nampak. Maksud kabur lagi..Dia luluskan 18 tahun, tapi cara untuk mereka memastikan dia pangkah dengan cara yang betul **(FGD 15 – Pelaksana)**<br><br>Ya, isu- isu yang kita bincangkan tadi, diaorang ni tak mampu nak fikir Panjang lagi. Mungkin negara-negara lain dah buat undi 18 ni, tapi di Malaysia, tak payah tengok negara lain lah prof, kita tengok dalam keluarga kita, adik-adik kita sendiri pun tak faham apa itu proses undi dan sebagainya, dan mengundi tu apa, dan kalau kerajaan sama naik,sama saja, sebagainya. Macam contoh saya bagi dalam belia sudah lah, KBS apa semua. Pergilah tanya budak-budak sekarang ni, tambah-tambah perempuan, Wanita, adik-adik Wanita kita sekarang ni, kalau tanya siapa Menteri belia dan sukan, masih mereka jawab Syed Saddiq. Jadi tak pernah amik tahu langsung, apakah pula nak mengundi memilih pemimpin apa semua ni. Itulah Prof, bagi saya palksanaan ni, kena kaji balik, walaupun dah di laksanakan. Susah **(FGD 1 – Belia)** |
| 3. | Memperkasa peranan pemegang taruh belia | Memastikan setiap pemegang taruh belia menyampaikan maklumat berkaitan demokrasi dan kenegaraan | Kalau saya satunya SPR lah. Menjalankan satu apa ni...aaaa... segi pengundian yang telus sebab kita nampak dalam pilihanraya yan terakhir sampai bila dah sampai penghujung tu, sebab...aaa... atau kena bagi satu...aaa... apa inisiatif untuk mengekalkan atau maintain pilihanraya tu secara telus. Satu lagi is SPRM sebab saya, sebab untuk bagi mana-mana pemimpin yang menjalankan tugas sekarang, saya pernah dengar daripada staf-staf dari pejabat hakim dan dari staf-staf pernah bekerja ...aaa... sapa-sapa yang pernah bekerja dengan ahli politik memang mereka tidak menyimpan rekod penglibatan mereka ke dalam satu pekerjaan atau satu tugasan.... So, ada juga isu yang di ketengahkan dengan SPRM. Ketua SPRM sendiri terlibat dengan banyak sampai tak ada orang pun boleh apa...aaa.. boleh keluarkan statement ataupun boleh menidakkan. So, itulah saya ras SPRM antara paling yang...aaa...yang paling kuat berpengaruh untuk memberikan impak **(FGD 14 - Pelaksana)**<br><br>Aaa mungkin aaa parlimen setiap area lah. Mereka mungkin mau buat yang macam dulu mereka bagi talk aa atau discussion untuk meningkatkan aa itu rakyat punya knowledge terhadap politik lah **(FGD 5 – Belia)**<br><br>Saya rasa antara organisasi yang boleh memberi bantuan ataupun pertolongan dari segi menyebarkan maklumat mengenai politik dalam kalangan anak muda terutamanya belia adalah melalui Think Tank ataupun The Search Team. Saya rasa sudah banyak ditubuhkan antaranya seperti Cent-GPS (Center of Governance and Political Studies), IDEAS (Institute for Democracy and Economic Affairs), RASAH dan sebagainya. Ini kerana mereka ini merupakan badan yang tidak berpihak pada mana-mana parti dan tidak berpihak pada mana-mana kepentingan jadi mereka ini merupakan satu badan elus yang kita katakan boleh menyampaikan maklumat sebenar mengenai politik |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | | negara. Dan saya yakin bahawa kerjasama dengan pihak-pihak Think tank atau badan pendidikan seperti ini mampu menyebarkan maklumat mengenai politik pada anak muda **(FGD 10 – Pelaksana)**<br><br>Aa pandangan saya lah aa bagi saya pendidikan politik ini perlu kerjasama daripada semua pihak lah. Sama ada daripada wakil adun ataupun wakil parlimen ataupun daripada pihak kementerian. Tapi aa untuk mengawal semua ini, bagi saya kementerian yang paling dekat dengan rakyat aa aa Kementerian Komunikasi lah **(FGD 5 - Belia)** |
| | | Peranan pemegang taruh belia | Aaaa...saya rasa sistem-sistem ni haa bagus sebabkan kita ada perlembagaan dan perlembagaan itu melindungi hak-hak kita sama rata antara pemimpin dan rakyat biasa. Maksudnya hak kita sama ratalah biar pun kita rakyat...rakyat marhaen **(FGD 2 – Belia)**<br><br>Jadi kita ambil pendekatan dengan menghampiri ibu bapa belia untuk mengajak anak belia mereka menyertai program-program yang diadakan. Kita sebagai ibu bapa menjadi pendorong anak kita untuk bercampur dengan masyarakat agar mereka mengambil tahu akan pentadbiran kampung dan pada masa yang sama melahirkan sifat kepimpinan dalam diri belia itu sendiri **(FGD 10 – Pelaksana)**<br><br>Dan apabila mereka sudah kehadapan, kita yang warga emas ini hanya bantu sahaja dengan menjadi rakan supaya sama-sama untuk membantu masyarakat di situ **(FGD 10 – Pelaksana)** |
| 4. | Kepentingan platform penyebarluasan maklumat berkaitan isu politik dan negara | Belia menggunakan gajet secara optimum | Saya ada 4 (telefon bimbit) boss, tapi satu yang guna, yang lain bateri mati **(FGD 1 – Belia)**<br><br>Sebab kita bukan di zaman yang tu dah dan kita dah beralih ke zaman digital. Kerajaan kita pon mengsyorkan kita kearah pendigitalan. Anak-anak muda ni, petik-petik ja **(FGD 1 – Belia)** |
| | | Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui media sosial | Kalau saya sama facebook, Instagram dan twitter. Kalua facebook, saya paling berminat baca posting Dato Seri Najib Razak, sebab posting dia menarik, pastu DAP. Kalau Twitter ni saya banyak baca pasal orang muda, kalau Instagram pulak, saya banyak baca pasal berita yang berkaitan tentang politik dan di sekitarnya **(FGD 1 – Belia)**<br><br>Aaa sama jugak seperti Katerine saya pun mengikuti Syed Saddiq di twitter sebab saya nampak dia punya semangat dia more to serve people **(FGD 13 – Pelaksana)**<br><br>Seterusnya, keadaan pihak yang lebih patuh lebih memainkan peranan yang penting seperti di media sosial. Aah, kebanyakan belia telah spend masa dia sepanjang 80 peratus di media sosial. Jadi, di situ akan menyebabkan belia lebih tertarik untuk menyertai berpolitik sebab seperti yang kita tengok tokoh-tokoh politik yang sesetengah dia. Setengah kerajaan, setengah parti, dia cenderung menarik belia melalui-melalui media sosial. Di situ kita nampak belia, dia ataupun beliau berjaya menarik belia. Itulah pandangan saya **(FGD 11 – Pelaksana)**<br><br>Sebagai contoh, sekarang dimana kita ada device atau alat yang lebih mudah alih phone sebagainya, sosial media twitter terutamanya itu adalah pandangan penglibatan mungkin secara tidak langsung **(FGD 3 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui berita arus perdana | Aaaa saya daripada AWANI sebab berita paling dipercayai **(FGD 12 – Pelaksana)**<br>Mmmm, selalunya kalau tahu pun, twitter. Kadang-kadang tengok mmm...berita jugalah. Tengok kadang-kadanglah **(FGD 2- Belia)**<br>Maksud dia dalam tempoh berkempen tu nampak la kementerian-kementerian ni aa ada usaha la untuk bagi kefahaman berkaitan dengan pilihan raya, hak mengundi di apa ni aa Media Arus Perdana TV1, TV2, TV3 **(FGD 5 – Belia)**<br>Kalau tuan, sumber dari internet, dari berita TV 3 **(FGD 14 – Pelaksana)** |
| | | Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui orang sekeliling | Ada..Ada..Kadang-kadang macam orang-orang yang berpengalaman kalau macam bercerita kan, kita dengar.. Benda tu sedikit sebanyak mempengaruhi kita. Jadi kita akan senang percaya..aaa..Kadang-kadang macam kita dengar..ooo..macam ni rupanya..Macam salah satu kesilapan orang-orang muda ni mudah terlalu mudah percaya. Terlalu mudah bila dengar..ooo..macam ni, so macam ni je la..Dia susah macam untuk kenapa macam ni, kenapa macam dia tak macam akan buat research ke..Itu yang saya nampak **(FGD 15 - Pelaksana)**<br>Pastu, kalau saya portal news and then bila berbual dengan kawan pasal politik **(FGD 2 – Belia)**<br>Aaa tuan aa mungkin faktor daripada kawan-kawan lah. Sebab sebelum ni di zaman kampus aa ramai kawan-kawan yang terlibat dengan politik secara tidak langsung lah **(FGD 5 – Belia)**<br>Macam yang saya katakan tadi, keluarga dahulu, tetapi setelah saya dengan penjelasan mereka, saya kan cari lagi sendiri. Saya tidak akan terima satu-satu atau bulat-bulat terus apa yang saya dengar **(FGD 4 – Belia)** |
| | | Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui buku | Kalau sumber saya, buku dan youtube **(FGD 7 – Belia)**<br>Tapi dari segi pemahaman umum sebagai rakyat, siapa yang pernah ambil STPM, dia akan belajar subjek pengajian am dan dari subjek itu dia akan beritahu pengenalan politik di situ... Dari situ lah antara tempat saya dapatkan maklumat tentang politik **(FGD 4 – Belia)** |
| | | Mendapatkan maklumat berkaitan isu politik dan negara melalui parti politik | Oh kalau saya, saya mostly refer on website setiap parti politik. saya akan pergi kepada setiap website parti-parti itu sebab saya tahu daripada kawan-kawan saya dari Sains Politik beritahu. Jika mereka tiada website, saya kan pergi kepada page social media mereka. Daripada situ saya akan analyze **(FGD 4 – Belia)**<br>dia ada beberapa kertaslah. Lepas itu, saya ambik itu satu...saya tengok...dia ada tarikh ke ada apa (**FGD 7 – Belia)** |
| | | Tempoh masa mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa negara | selalu malam **(FGD 1 – Belia)**<br>Haa termasuk hujung minggu **(FGD 5 – Belia)**<br>tengok keadaan Prof, sebab benda ni memang sentiasa erada di tangan kita Prof dan itu yang kita follow dan kita akan naik benda tu lah prof **(FGD 1 – Belia)** |

## OBJEKTIF 4: HARAPAN BELIA BERKAITAN DEMOKRASI DI MALAYSIA

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| 1. | Perspektif belia terhadap senario politik | Karakter pemimpin - berintegriti | dia yang paling penting bagi saya, dia biar tak banyak makan rasuah lah. kedua dia tidak pilih, mana yang putra, maknanya kita semua sama ja. Dan ketiga, dia perlu umur **(FGD 1 – Belia)**<br><br>First sekali, yang pertama sekali, dia adalah seorang yang bebas dengan apa-apa isu kewangan seperti, rasuah ke, ataupun mana-mana isu. Yang kedua, aah saya tak tahu, adakah tokoh politik yang tidak ada apa, syarikat bukan syarikat apa nak cakap aah, perniagaan lain selain daripada pekerjaan itu, Hah, saya harapkan, saya harap saya dapat seorang pemimpin yang hanya bekerja sekadar untuk politik semata-mata dan dia tidak ada aah apa, niat lain, ataupun tidak ada niat lain ataupun tiada niat lain apabila masuk politik mahu mendapatkan harga tender, ataupun mahu memperolok-olokkan segala harta-harta negara-negara kita. Aah, saya nak cakap yang kedua itu adalah iaitu pemimpin yang hanya yang seperti Prof cakap, iaitu true politician **(FGD 11 - Pelaksana)**<br><br>calon mesti ada rekod yang bersih, mempunyai integriti, mempunyai visi dan misi yang memberi manfaat kepada golongan tua dan muda. Lepas tu, dia mempunyai pendidikanlah yang tinggi. Yang contoh, kalau dia nak yang kepimpinankan dia ada kelayakanlah untuk pimpin **(FGD 2 – Belia)**<br><br>Integriti dan accountability. Rasuah tidak di welcomekan. Pengetahuan tentang rasuah perlu dibanyakkan macam di China jepun **(FGD 8 – Belia)** |
| | | Karakter pemimpin - berpengalaman | Pada pandangan saya sebagai ibu kepada anak-anak belia ini. Yang saya nampak kalau boleh pemimpin itu sendiri patut menyuarakan keinginan belia itu sendiri dengan cara yang lebih menyeluruh, bukan hanya untuk aspek-aspek tertentu. Pemimpin juga perlu terbuka menerima pendapat daripada belia kerana suara mereka boleh digunapakai oleh pemimpin-pemimpin yang lain. Jadi ketegasan dan kewibawaan pemimpin itu sendiri adalah ciri-ciri pemimpin yang akan dipandang oleh para belia. Kepimpinan, kebolehan dan keterbukaan pemimpin dari semua aspek dalam mendengar suara dan pendapat belia merupakan salah satu ciri pemimpin yang anak muda perlukan pada zaman sekarang **(FGD 10 – Pelaksana)**<br><br>Aa ciri-ciri pemimpin yang saya idamkan adalah pemimpin yang kompeten dalam bidangnya. Pasal kompeten dia cekap. Aa dalam setiap bidang aa yang dia pimpin. Jadi itulah yang menentukan keberjayaan sesuatu organisasi jika kita mendapat pemimpin yang cekap dan kompeten dalam bidangnya itu akan memastikan sesuatu organisasi itu akan mencapai kejayaan ataupun mencapai visi yang aa ingin dicapainya **(FGD 5 – Belia)**<br><br>Dia perlu berpendirian tetap. Kita tengok sekarang ni banyak tak berpendirian, banyak duk lompat sana sini, yang kedua Amanah dan yang ketiga ciri-ciri yang saya mau, dia mai daripada bawah. Dia pernah rasa susah, dia layak jadi pemimpin. Sebab dia pernah jadi orang susah dan dia beramanah. Kalau dia pernah susah,tapi tak Amanah, biar p kat dia sorang. Contohnya, dia biasa duk setinggan, dia tau lagumana **(FGD 1 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | Karakter pemimpin-mempunyai visi | Kalau saya pula, saya ingitkan pemimpin yang educated dan berfikiran jauh. Dia berfikir lebih untuk ke masa hadapan. Dari situ boleh dah teka siapa pemimpin itu **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Saya rasa, saya tak perlu tambah dah kot yang lain-lain tu. Cumanya, aah saya mengharapkan mana-mana yang aah, bakal menjadi YB aah akan datang ok, lebih mahir, walaupun dia bukan dari background dia,dia lebih mahir dengan apa yang telah dipertanggungjawabkan aah, terhadap mereka **(FGD 11 - Pelaksana)**<br><br>Ohh, untuk saya semestinya pemimpin yang adil, yang bijaksana. Bukan nak cakap pemimpin sekarang tak adil, tak bijaksana. Cuma aa disebabkan berlaku isu politik semua tu jadi, kita perlu memandang lebih lagi untuk mencari pemimpin yang lebih berkualiti dan lebih berdisiplin **(FGD 5 – Belia)** |
| | | Karakter pemimpin - mengutamakan rakyat | Dan yang kedua, yang dari segi mesra rakyat, yang dari segi selalu turun padang, yang tu memang betul lah, yang tu yang kita nak tengok. Cuma sekarang ni, tidak semua ahli-ahli parlimen kita, tokoh-tokoh politik kita yang berkeperibadian seperti itu. Jadi, kita nak benda ini menyeluruh. Ini, gaya-gaya ini yang anak muda nak yang dari segi suka turun padang, yang mesra dengan rakyat, yang turun sama-sama tengok keadaan kita, susah payah kita, bantu rakyat, yang kita tengok hari ini, yang sering kita tengok adalah dari segi perebutan kuasa, dok berebut kuasa sama sendiri, dok bergaduh sesama sendiri, yang tu kita tak nak tengok, anak muda tak nak tengok benda tu. Benda tu yang menyebabkan politik ni, orang jadi kurang minat terus. Jadi, kita tak nak benda-benda tu. Ciri-ciri yang baik tu kalau boleh ada semua **(FGD 11 - Pelaksana)**<br><br>Yang pertama hipokrit. Anak muda memang yang tak nak langsung hipokrit yang, mana bercakap di media sosial lain tetapi entah kemana-mana. Yang kedua kalau pemimpin yang terlibat dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa sebagai pemimpin, yang itu kita memang tak nak tengok langsung. Anak-anak muda memang menyampah dengan golongan ini. Yang paling penting kita hendak pada pemimpin kita adalah sentiasa cakna dengan kepentingan rakyat, turun padang bersama rakyat, dengar rintihan rakyat. Itu paling penting **(FGD 3 – Belia)**<br><br>bagi saya saya mau pemimpin yang adil dan ia memberi aa treatment yang sama pada semua agama tanpa kira ispa siapa lah sama saya pun aaa saya ingin pemimpin yang wakil kami adalah seorang yang bertanggungjawab dan dia bukan sekadar macam aa bagi janji manis begitu lah macam tadi noah cakap **(FGD 13 – Pelaksana)** |
| | | Karakter pemimpin - terbuka kepada pandangan dan kritikan | saya aah nak pemimpin yang lantang bersuara dan pada waktu yang sama dia tak kesah kalau dia di kritik, sebab sesetengah ahli bukan setengah tokoh ni, dia tak boleh terima kritikan. Aah, maknanya sebab manusia ni tak sempurna jadi saya harap aah, kena tabahlah **(FGD 11 – Pelaksana)**<br><br>So, at the end of the day, pemimpin pada hari ini perlu berjiwa besar. Kita jangan cakap kita berjiwa besar, lepas tu belakang cerita lain kan? Kita kena berjiwa besar, kena bagi peluang dekat orang muda. Ini.....baru nampak orang tu pandai bercakap sikit, boleh buat kerja sikit, terus pancung **(FGD 2 – Belia)** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Parti politik - bertanggungjawab | kalau saya lebih tanggungjawab dan Amanah yang dijanjikan. Jangan janji kosong, sebab tu yang penting kita kena ada pengalaman, yang duk dalam tu dia tau lah, apa yang boleh di laksana atau tak boleh laksana. Sebab tu tak boleh janji bukan-bukan. Dan keduanya, parti ni perlu bergerak sendiri, supaya bila jadi kerajaan, jadi kerajaan yang stabil. Itulah yang perlunya **(FGD 1 – Belia)**<br><br>Aa mungkin bagi saya parti politik yang diperlukan adalah parti politik yang memahami. Lebih memahami kepada kehendak rakyat bukan kepentingan diri mereka sendiri **(FGD 5 – Belia)** |
| | | Parti politik - fokus negara | Kita perlukan parti yang betul-betul mahu perjuangkan negara kita, yang betul-betul mahu menstabilkan politik di negara kita **(FGD 11 – Pelaksana)**<br><br>saya rasa apa yang paling penting tu adalah Pendidikan. Kita kena reform balik system tu. Asyik duk ligan ja. Kalau boleh, macam kita tengok di Jepun tukan, mereka lebih titikberatkan moral, akhlak. Baguslah depa tu, macam Dr Mazlee duk buat pun, dia reform balik Pendidikan. Bagi saya Pendidikan tu penting, kita kena bina balik **(FGD 1 – Belia)**<br><br>Asalkan yang saya harapkan boleh bawa Malaysia adalah yang mampu untuk hapuskan korupsi walaupun mustahil untuk kita hapuskan korupsi secara sepenuhnya tetapi disebabkan ia berasal daripada akar, jadi susah untuk kita basmikan dia. Parti yang hapuskan korupsi, ambil pandangan orang muda dan memartabatkan wanita dalam pentadbiran di zaman kita ini sebab peranan wanita juga penting dalam politik ini dan apa yang saya lihat trend sekarang pun, wanita lebih menonjol dalam politik bahkan dalam perbincangan kita hari ini pun semuanya wanita **(FGD 4 – Belia)** |
| | | Parti politik - kesamarataan | Dan lagi satu, juga dari segi gender equality. Kenapa saya cakap mesti gender equality sebab saya lihat mereka letak kuota terhadap wanita yang perlu masuk ke parlimen ataupun dalam sesuatu jawatan di peringkat sama ada itu kerajaan ataupun bukan kerajaan. Bagi saya, kalau mereka nak gender equality, mereka nak kesamarataan dalam jantina kenapa perlu ada kuota? Jadi kalau nak gender equality, hapuskan kuota itu dan biarkan natural begitu sahaja ataupun letak keseimbangan jantina di situ tak perlu ada kuota. Bagi saya keseimbangan atau kesamarataan dalam semua perkara adalah penting. Dia tak perlu ada satu focus sampaikan orang nampak diskriminasi terjadi disitu **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Kalau saya, mestilah aktif, lepas tu, aaaa mengutamakan keagamaan dan tiada rasis **(FGD 6 – Belia)** |
| | | Contoh pemimpin ideal sedia ada | Sebabnya setiap pemimpin dia ada dia punya kelebihan dia yang tersendiri dari segi ilmu. Saya memang mengikuti tentang Tuan Guru Hj Abdul Awang **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Bagi saya, the best leader yang kita ada sekarang ialah yang tidak boleh deny, dasar yang dibawa oleh Dato' Seri Najib **(FGD 2 – Belia)**<br><br>Ya lah kalau bercakap tentang susuk tubuh politik yang saya tidaklah taksub tetapi hormat adalah Dato' Sri Anwar Ibrahim sebab hubungan dia dengan luar negara, cara dia berucap sangat-sangat menjadi inspirasi untuk saya lebih mahir berkomunikasi dengan masyarakat, mudah tertarik untuk menarik masyarakat **(FGD 4 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | | Untuk yang berilmu mungkin la kita lebih kepada Tun Dr Mahathir kerana saya suka dia punya sikap tu dia berani buat keputusan. Dia tak kisah akan segala kata-kata dan tohmahan orang lain terhadap dia dan keputusan dia, dia lantang **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Dan kita tengok pun dulu dia pegang KBS, dia capai KPI. Dia pegang Sains, capai KPI. Dan sekarang ni dia MOH pun capai KPI. So, why not kita nak tolak dia jadi Prime Minister kan? Dan saya tengok cara dia pun lebih kepada keterbukaan aaaa dia tak ada....dia tak ada attack secara peribadi mana-mana pemimpin tertentu. Tak. Dia buat kerja dia je. Aaaa, walaupun orang tak suka dia, tapi saya yakin kalau YB KJ jadi...aaaa...jadi peneraju kepada negara, dia bukan hanya mampu tarik golongan aaaa umur se term dengan dia tapi saya yakin yang undi 18 pun akan tertarik dengan personaliti yang dibawa oleh YB KJ **(FGD 2 – Belia)**<br><br>Kalau saya tengok, dulu Arwah Nik Aziz sebab dia memang kuat agama tapi dia di negeri dia, penduduk dia macam orang india, orang cina semua macam sokong dia macam tak ada masalah pun dia jadi menteri besar pada masa itu **(FGD 4 – Belia)**<br><br>Tetapi kalau pemimpin yang sekarang ni yang saya nampak, YB Izzah saya rasa ok lah dia pengetahuan dan dia ada kemahiran untuk dekat dengan rakyat dan dia boleh dipercayai jika ia dari kategori orang muda lah bagi pandangan saya **(FGD 4 – Belia)** |
| | | Pemimpin yang ditolak - hipokrit dan kontrovesi | Yang pertama hipokrit. Anak muda memang yang tak nak langsung hipokrit yang, mana bercakap di media sosial lain tetapi entah kemana-mana. Yang kedua kalau pemimpin yang terlibat dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa sebagai pemimpin, yang itu kita memang tak nak tengok langsung. Anak-anak muda memang menyampah dengan golongan ini **(FGD 3 - Belia)**<br><br>YB-YB yang kita tak nak ada yang cuma dalam parlimen hanya wujudkan kontroversi. Kita tak nak yang tu. Mungkin Jelutong Rayer, yang tu kita tak nak, kita tak nak yang macam tu. Walaupun dia punya...peguam, dia punya aaa......base dia. Tapi, dia bila dalam parlimen tu dia menyebabkan, dia mewujudkan suasana kontroversi dan sebagainya (**FGD 2 – Belia)** |
| 2. | Harapan kepada ahli parlimen dan pemimpin negara | Kematangan dalam berpolitik | Perkembangan belia dalam penglibatan politik masyarakat dari tahap sederhana ini sudah ke tahap yang lebih tinggi bagi belia. Syabas untuk belia kerana kita telah memberikan peluang dan ruang untuk belia bagi menyertai politik dan mereka kebanyakannya adalah belia yang berpendidikan tinggi selain menyerlahkan kepentingan peribadi mereka mengatasi kepentingan terhadap negara. Syabas juga kepada belia dan saya amat mengalukan agar belia terus gah ke hadapan kerana merekalah pelapis negara kita pada masa akan datang **(FGD 10 – Pelaksana)**<br><br>aahhhhh mewujudkan undnag-undang atau sistem perundangan yang lebih adil kepada masyarakat **(FGD 1 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | | Sangat penting, saya nak tengok untuk kalau kerajaan ni tak bertukar setahun sekali sebab sangat penat sebenarnya sebagai seorang ahli politik juga bagi mereka yang disana dan juga sebagai rakyat ataupun sebagai warganegara Malaysia juga. Sangat penat melihat mereka ini bertukar dalam waktu yang singkat. Jadi, kestabilan politik itu adalah apa yang saya harapkan sebagai seorang rakyat **(FGD 4 – Belia)** |
| | | Memberi kepercayaan kepada belia untuk terlibat dalam kepimpinan | Kepimpinan belia sekarang ini merangkumi aspirasi merakyatkan kepimpinan. Maksudnya, pemerintah itu adalah daripada kepimpinan belia itu sendiri. Ini kerana belia yang mengundi dan mereka ingin merakyatkan kepimpinan itu. Dan perkembangan ini juga mempunyai satu kaitan yang sangat signifikan dengan peningkatan kesedaran masyarakat dan perkembangan literasi politik terutamanya dalam kalangan belia itu sendiri **(FGD 10 – Pelaksana)**<br><br>Memberi peluang kepada belia lah menjadi pemimpin **(FGD 6 – Belia)**<br><br>Aa pandangan saya lah, aa agar selepas ini kerajaan lebih..lebih mendengar suara daripada aa orang belia lah dan sebagaimana yang kita faham orang belia ni, belia di negara kita ni aa menghadapi aa ancaman ekonomi dan juga aa kesihatan **(FGD 5 -Belia)** |
| | | Mengamalkan kesamarataan dan keadilan berdasarkan undang-undang | Dan kita kena ingat salah satu perlembagaan, kita agama islam itu adalah agama rasmi persekutuan, yang mana macamana kita adalah agama kita, dan bukanlah bila agama islam agama rasmi kita, kita tidak hormat kepada agama lain. Setiap agama pun kita menghormati dan kita sama rata layanan, tiada racist **(FGD 1 – Belia)**<br><br>Apa yang saya boleh katakan di sini kita pun sudah berada di tahun 2022. Jadi apa yang saya lihat disini adalah belia sekarang memerlukan keterbukaan dalam mendengar pendapat dan pemimpin yang boleh membawa suara mereka juga boleh menggalakkan integrasi antara kaum dimana rata-rata yang saya jumpa belia ini sudah muak dengan isu perkauman yang tidak membawa ke mana pun **(FGD 10 – Pelaksana)** |
| | | Mengutamakan kepentingan dan keperluan rakyat | pemimpin-pemimpin yang pada masa akan datang ni...lebih mendengar suara rakyatlah...bukan sekadar berada di kelompok mereka tersendiri...tetapi mereka kena banyak turun...bukan pada masa kempen je...makan dengan orang kampung. Tapi kalau bole, lepas kempen pun turun dengan orang kampung...tanya jalan mana yang bersih kelak...jalan mana yang masih tak ok apa semua... **(FGD 7 – Belia)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| | | | Aa harapan saya untuk kerajaan pada waktu sekarang ini adalah mereka dapat lebih fokus dengan tujuan mereka. Dengan, maksudnya diorang tidak macam contohnya diorang tidak lalai dalam melaksanakan tugas mereka. Terutamanya mungkin di Sabah lah kan sebab kami belia Sabah. Jadi, mungkin kita tahu fik..ka kita sendiri tahu yang di Sabah ni kebanyakannya diutamakan internet ah ataupun jalan-jalan mungkin tidak diselenggara dengan baik mungkin kerana parti politik juga **(FGD 5 – Belia)** |
| | | Pemimpin adalah individu yang mempunyai rekod yang bersih dan melaksanakan tugas dengan bertanggunjawab | Ok, yang pertama sekali cadangan saya, saya nak parti-parti politik di Malaysia ni mengetepikan kepentingan masing-masing. Kepentingan peribadi, kepentingan masing-masing, gila kuasa, gila pada pangkat, kita nak ketepikan benda tu **(FGD 11 – Pelaksana)**<br><br>Jadi, saya memang am..amat mengharapkan kerajaan ini boleh lah membawa negara tempatan kita ni keluar daripada krisis ini. Agar negara..negara kita ni kembali kepada landasan yang betul aa seperti yang saya harapkan da terima kasih tuan **(FGD 5 – Belia)** |
| 3. | Harapan kepada belia | Mengambil tahu isu politik dan kenegaraan | Bagi saya, emm untuk golongan belia melibatkan diri dengan politik negara salah satunya bagi saya diaorang boleh melibatkan diri dengan aktiviti aktiviti parti politik dengan ini diaorang bukan sahaja boleh dapat lebih banyak pengetahuan , mereka juga lebih expose tentang apa yang betul betul in reality lah sebab untuk kami yang golongan belia ni, kami dah macam kita punya sistem Pendidikan kami lebih kepada indoor macam di kelas saja **(FGD 13 – Pelaksana)**<br><br>Tak perlu ke dalam politik pun setidaknya cakna terhadap politik. itu sahaja yang menjadi harapan saya sebagai student Sains Politik dan juga belia. Saya nak semua belia di Malaysia paling kurang 70% ke 80% cakna terhadap politik walaupun tidak terlibat secara langsung dalam politik **(FGD 4 – Belia)** |
| | | Menyertai sebarang aktiviti politik atau berpersatuan | Engagement. Automatiknya saya main benda, benda belia dalam itu. Tourism melibatkan belia, jadi dia berminat untuk masuk, dia masuk ja, jadi ahli tapi tak ramai lah, adalah dalam 50 orang tapi kebanyakkannya semua orang muda, bawah 30 tahun kebanyakkan. Jadi dia tak masuk persatuan belia yang, dia masuk satu-satunya ada kena mengena dengan kerja dia. Jadi mungkin kita kena ada juga NGO yang bersifat apa budak-budak yang mahir dengan repair-repair motor, NGO dia NGO motor **(FGD 16 – Pelaksana)**<br><br>memberi peluang aaa generasi muda untuk sama-sama aktif aaa tadi saya tak berapa setuju kalau 18 tahun tu pergi mengundi tapi kalau untuk jadi pemimpin ni saya sangat menggalakkan golongan muda ni supaya terlibat secara aktif sebab dalam kalangan apa orang kata transaksi ni mereka perlu digalakkan lebih ni sebab nanti kalau katakan masih biarkan yang lama-lama yang muda tu mungkin dia tidak akan belajar sesuatu lah, jadi ini adalah masa kita untuk polish dan juga untuk kita train kita punya aaa apa generasi muda ni untuk jadi pemimpin yang akan datang **(FGD 9 – Pelaksana)** |

| BIL. | TEMA | KATEGORI | KOD |
|---|---|---|---|
| 4. | Harapan untuk belia | Peluang kepada pemimpin muda | So, bagi saya, orang berpengalaman ni mungkin boleh jadi an advisor. Tapi...tapi kena bagi peluang dekat orang muda, supaya dia ada pendedahan daripada awal dan lebih banyaklah **(FGD 2 – Belia)**<br><br>Itu yang paling penting untuk golongan bellia sebab kebanyakannya bila kita tanya orang terutamanya belia, mereka sebenarnya tidak ambil pusing ambil tahu berkenaan dengan politik semasa bahkan tidak kenal siapa pun ahli-ahli politik tertentu **(FGD 3 – Belia)**<br><br>Kalau baru-baru ni kita dapat tengok MB Johor pun aaaa masih orang muda lagi yang Onn Hafiz tu and its..its still new, tak adalah muda sangat tapi bolehlah (**FGD 2 – Belia)** |
| | | Peluang untuk belia menyuarakan pandangan | Dan beberapa bukan saya satu orang saja yang memberi pendapat tapi ramai. Dan juga kami punya pendapat telah pun didengar oleh wakil. Wakil Rakyat dan telah dilakukan penambahbaikan kepada jalan-jalan tersebut. Itulah yang emm bagi saya haa paling jauh **(FGD 5 – Belia)**<br><br>Ahh yang penting dengan aaa suara golongan belia lah.Kita hendak didengar untuk di di ambil kira oleh kerajaan sebagai asas untuk agenda pembangunan di negara, yang tu penting lah. Aaaa boleh dengar aaaa boleh mengikutkan dengan orang muda belia kita yang ......tu la penting sikit untuk sekarang la (**FGD 9 – Pelaksana)** |

INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

KEMENTERIAN BELIA & SUKAN | MINISTRY OF YOUTH & SPORTS |

**Hubungi kami:**

**@iyreskbs**

9 789672 783190